



• BIL 277 • 30 OGOS - 5 SEPTEMBER 2024 • PP1944/12/2018 (035014)

# WILAYAHKU

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



## USAHA TANPA HENTI

>> 2-3

Tamparan  
wanita  
>> 9-11

Menguburkan  
pemikiran khawarij  
>> 18

Labuan miliki  
potensi besar  
>> 20



PIHAK berkuasa bertungkus-lumus mencari mangsa yang terjatuh ke dalam tanah mendap yang berlaku di Masjid India.

Tanah mendap di kawasan geologi tidak stabil

## IKLIM JADI ANTARA PUNCA

SYED HAZIQUE

**P**ERUBAHAN iklim (*climate change*) yang ekstrem telah memberikan impak-impak yang buruk terhadap negara Malaysia. Malah perubahan tersebut telah menyebabkan beberapa kawasan terdedah dengan bencana alam termasuklah baru-baru ini tragedi tanah mendap yang berlaku di Masjid India.

Pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Nor Shahidah Mohd Nazer berkata kesan-kesan perubahan iklim atau cuaca yang melampau kini dapat dirasai negara.

Malah menurutnya, kerajaan perlu fokus mengkaji kawasan-kawasan berisiko bagi mengelakkan kejadian bencana alam pada masa hadapan.

“Faktor-faktor seperti hujan lebat berterusan, banjir, cuaca panas melampau ini boleh menyumbang kepada kejadian seperti tanah runtuh selain tanah mendap atau jerlus yang berlaku baru-baru ini.

Kerajaan perlu adakan plan atau perancangan khas bagi menangani isu bencana ini terutamanya di kawasan geologinya tidak stabil sebagai contoh tanah batu kapur, dahulunya lombong dan sebagainya,” katanya kepada Wilayahku.

Tambah Nor Shahidah, keadaan hujan yang berterusan baru-baru ini dipercayai menjadi antara faktor kepada berlakunya insiden tanah mendap di Masjid India.

Jelasnya lagi, keadaan tersebut akan menyebabkan aliran air sekali gus wujudnya rongga kosong kerana permukaan lapisan tanah di bahagian bawah telah mengalami hakisan.

“Jika dilihat, sebelum kejadian tersebut, Kuala Lumpur dilanda hujan berterusan, air sungai berlimpahan. Ini menunjukkan bahawa tanah berada dalam

keadaan ketumpuan yang sangat tinggi dan aliran air pula telah memburukkan lagi hakisan.

“Jadi beberapa kawasan akan mengalami pengangkatan sedimen secara berterusan menyebabkan kewujudan rongga kosong yang agak besar dan akhirnya akan runtuh apabila permukaan atas itu

tidak dapat menampung beban yang ada,” ujarnya.

Jelas Nor Shahidah, tanah mendap boleh berlaku akibat daripada kawasan yang didasari batu kapur kerana ia bersifat boleh melerut dalam air. Dalam masa sama, ia juga boleh membentuk rongga dipanggil sebagai kaviti yang menyebabkan runtuhannya dinding dipanggil sebagai lubang benam (*sinkhole*).

“Walau bagaimanapun, pelarutan batuan kapur memakan masa yang agak lama sehingga ratusan atau jutaan tahun,” jelasnya lagi.

Mengulas berkenaan berita yang tular di media sosial berhubung KL giant sinkhole, Nor Shahidah berpendapat ia sebagai mitos sahaja.

“Kuala Lumpur sudah terbina sejak sekian lama, apabila pembangunan dilakukan, ada tanah yang ditambak menjadikan ia sebagai satu foundation secara tidak langsung mempunyai satu kawasan pembinaan yang stabil.

“Cuma keadaan iklim dengan perubahan cuaca yang melampau disumbang limpahan air tinggi menyebabkan sungai melimpah atau kawasan sekitarnya mengalami ketumpuan yang boleh menyebabkan hakisan dan boleh menggoyahkan tanah yang pada dasarnya stabil menjadi tidak stabil.

“Namun, saya tidak menafikan ade kewujudan tanah-tanah mendap yang kecil di sekitar Kuala Lumpur tetapi ia boleh diatasi dengan teknik-teknik kejuruteraan yang ada sekarang ini,” katanya lagi.

IT



NOR SHAHIDAH

## Warga kota boleh terus rutin seperti biasa

**WARGA** kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diberi jaminan bahawa ibu kota negara merupakan bandar yang selamat.

Perkara tersebut dimaklumkan sendiri oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif.

Beliau menafikan dakwaan Kuala Lumpur adalah lokasi tidak selamat dan berpotensi berlaku lubang benam seperti yang tular di media sosial.

Menurutnya lagi, Jalan Masjid India turut diberi jaminan terkawal.

“Situasi sekitar Jalan Masjid India khasnya Kuala Lumpur amnya adalah terkawal dan warga ibu kota boleh meneruskan rutin harian

seperti biasa.

“Saya berpendapat Kuala Lumpur sudah lama dibina dan dalam tempoh itu ia adalah selamat,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata jika ada pihak yang mengatakan Kuala Lumpur tidak selamat, ia perlu disertakan bersama bukti dan kajian terperinci berhubung dakwaan berkenaan.

“Oleh itu kalau mengatakan tidak selamat mestilah ada menunjukkan bukti-buktii dan kajian-kajian yang terperinci,” katanya.

Beliau berkata demikian mengulas dakwaan tular di media sosial Facebook berhubung tempat yang paling tidak selamat di

Malaysia adalah Kuala Lumpur, yang berpotensi berlaku lubang benam pada bila-bila masa.

Mengulas lanjut, Maimunah berkata sehubungan itu pihaknya telah menubuhkan pasukan khas termasuk bersama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melihat kepada aspek keselamatan di ibu negara.

Jelas Maimunah, pasukan itu akan melibatkan pakar daripada pelbagai agensi kerajaan yang terlibat.

“DBKL telah mengaktifkan task force bersama pakar-pakar daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam

Malaysia (APM) termasuk Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Mineral dan Geosains.

“Apa kita cuba dapatkan adalah maklumat daripada JMG adakah di sini (Masjid India) adalah tanah biasa.

“Walau bagaimanapun, saya telah sediakan satu task force bersama rakan-rakan lain JKR, JMG untuk kita menyemak lagi menyiasat lagi kawasan ini,” ujarnya.

Baru-baru ini media melaporkan, pada 23 Ogos lalu, negara dikehujung dengan kejadian tanah jerlus yang berlaku berhampiran Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

Lebih mengerikan, dalam insiden tersebut, seorang wanita

## Guna pelbagai kaedah

**USAHA** mencari dan menyelamat (SAR) mangsa insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India menyaksikan pelbagai kaedah digunakan dalam operasi itu antaranya melakukan ujian melepaskan botol dari lurang kumbahan berdekatan lokasi kejadian.

Dalam sidang media selepas minjanu operasi SAR serta melawat keluarga mangsa, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata hasil ujian itu mendapati objek berkenaan mengambil masa kira-kira empat jam untuk sampai ke titik akhir (*end point*) di loji Indah Water Konsortium (IWK) Pantai Dalam.

Selain itu usaha pemantauan di lokasi kejadian termasuk melakukan imbasan bagi teknik *flushing, jitter* dan alat pengesan bawah tanah iaitu Radar Pengesan Bawah Tanah (GPR) turut dilakukan untuk mencari wanita warga India itu.

Operasi SAR kali ini juga menggunakan teknologi kamera bagi mengesahkan keberadaan mangsa dan kaedah itu dijalankan melibatkan dua lurang kumbahan iaitu di Jalan Melayu dan Bulatan Kinabalu dengan menggunakan rod tunjal (*push rod*) dan kamera *crawler*.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan memaklumkan penggunaan alat rod tunjal dan kamera *crawler* di lurang satu hingga ke lurang yang terletak di hadapan Wisma Yakin bagi mengesahkan mangsa, tidak membawa hasil.

GPR turut digunakan dalam operasi SAR.

Frankie dan Denti iaitu dua ekor anjing dari Unit Pengesan K9 JBPM, bagi melakukan pengesan mangsa yang belum ditemukan setakat ini. - BERNAMA

warganegara India, berusia 48 tahun, dikenali sebagai Vijayalethum yang disyaki terjatuh ke dalam lubang sedalam lapan meter di lokasi berkenaan.

Difahamkan, ketika kejadian, mangsa sedang bersiar-siar di kawasan terbabit bersama keluarganya sebelum terjadi tanah jerlus dan menyebabkannya terjatuh ke dalam lubang terbabit.

Laporan kejadian itu diterima pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur pada pukul 8.22 pagi sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Titiwangsa dan BBP Hang Tuah dikeharkan ke lokasi kejadian. IT



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa ketika bertemu keluarga mangsa tanah jerlus baru-baru ini.

Jangan takutkan dengan berita tak sah!

# ELAK GUSAR AWAM

SYED HAZIQUE

**O**RANG ramai tidak perlu gusar, ibu negara Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih selamat untuk didiami.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, **Tan Sri Lee Lam Thye** berkata rakyat Malaysia perlu menahan keinginan berkongsi berita yang tidak disahkan menerusi platform media sosial.

Menurut Lam Thye, tidak perlu untuk menakut-nakutkan orang ramai sehingga menimbulkan kegusaran awam.

“Di dalam dunia serba moden ini, banyak maklumat-maklumat yang kurang tepat juga tersebar kepada masyarakat.

“Kita tidak boleh nak menganggap seluruh kawasan Kuala Lumpur itu tidak selamat, itu tidak betul.

“Malah agensi-agensi penguasa juga mengambil langkah drastik bagi memastikan insiden tanah mendap di Jalan Masjid India tidak berulang lagi.

“Implikasi terhadap masyarakat amat besar jika menimbulkan kegusaran awam,” kata beliau kepada Wilayahku.

Baru-baru ini media melaporkan, dalam kejadian pagi 23 Ogos lalu, mangsa warga India berusia 48 tahun dikenali sebagai Vijayaletchumy dilaporkan hilang selepas menjadi mangsa tanah jerlus sedalam lapan meter di Jalan Masjid India.

Laporan kejadian itu diterima

pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Kuala Lumpur pada pukul 8.22 pagi sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Titiwangsa dan BBP Hang Tuah dikejarkan ke lokasi kejadian.

Lam Thye menambah, banyak implikasi yang boleh terjadi khususnya buat warga kota jika maklumat bahawa Kuala Lumpur tidak selamat itu disebarluaskan.

Kuala Lumpur ialah ibu negara kepada Malaysia, banyak pengoperasian ekonomi juga terdapat di Kuala Lumpur, maklumat seperti itu boleh membimbangkan masyarakat.

“Bagi pekerja yang bekerja di Kuala Lumpur, mereka akan berasa tidak selamat, jejakkan prestasi kerja kepada para peniaga pula akan mula mencari tapak lain.

“Malah lebih buruk ia juga secara tidak langsung menjelaskan pertumbuhan ekonomi negara pada masa yang sama,” ujar beliau.

Lam Thye menjelaskan kejadian lubang benam (*sinkhole*) ini boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja, namun perlu percaya dengan langkah drastik kerajaan dalam tangani isu ini.

Beliau berkata struktur tanah berbatu kapur yang terdapat di kawasan itu mempengaruhi pergerakan air bawah tanah selain menyebabkan tanah menjadi tidak stabil dan akhirnya mengakibatkan tanah jerlus.



LAM THYE

“Kadang-kadang kita tidak boleh menyangka bila dan di mana tanah jerlus ini akan berlaku dan impaknya pula.

“Walau bagaimanapun, kejadian sebegini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi fenomena ini turut berlaku di negara-negara lain di seluruh dunia terutama di kawasan yang mempunyai batu kapur dan keadaan geologi tertentu,” katanya.

Tambah Lam Thye, kerajaan serta agensi-agensi penguasa juga bertungkus lumus mencari langkah terbaik bagi memastikan keselamatan orang awam berada pada tahap optimum.

“Kerajaan serta agensi-agensi penguasa terutamanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif jelas sedang dicetuskan oleh ribut kuat di tenggara Wisconsin, Amerika Syarikat.

“Beliau memberi jaminan kepada warga ibu kota bahawa mereka berada dalam keadaan selamat dan boleh meneruskan rutin harian seperti biasa.

“DBKL juga telah mengaktifkan task force bersama pakar-pakar daripada Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) bagi meneliti secara terperinci berkenaan isu ini.” tegasnya.

Justeru itu, Lam Thye berkata adalah lebih baik buat orang awam untuk tidak berasa bimbang dan nantikan sahaja segala arahan daripada pihak berkuasa.

## 6 Lubang Benam Di Dunia



Fukuoka, Jepun 2016

LUBANG benam yang besar dilihat di persimpangan berhampiran stesen Hakata di bandar Jepun pada 8 November 2016.

Guangzhou, China 2013

PEKERJA menggunakan jentera untuk mengisi lubang benam di mana bangunan runtuh berhampiran tapak pembinaan kereta bawah tanah di bandar Guangzhou, China. Lubang itu berukuran kira-kira 1,000 kaki persegi dan sedalam sekitar 30 kaki.



Guatemala City, Guatemala 2010

HUJAN ribut tropika Agatha bersama letusan gunung berapi dan kebocoran daripada paip pembetung mencipta lubang benam gergasi di bandar itu pada Mei 2010.



Milwaukee, Amerika Syarikat, 2010

SEBUAH kereta berada di dasar lubang benam yang disebabkan oleh banjir selain dicetuskan oleh ribut kuat di tenggara Wisconsin, Amerika Syarikat.



Daisetta, Amerika Syarikat 2008

LUBANG benam yang besar menelan peralatan dan kendaraan medan minyak di bandar tenggara Texas.



Berezniki, Rusia 2007

BANDAR Berezniki di Rusia yang menempatkan beberapa lombong kalium, magnesium dan potash mengalami beberapa lubang benam dan perlu sentiasa dipantau. Lubang benam tersebut pada masa ini melebihi 200 meter dalam, 80 meter panjang dan 40 meter lebar dan semakin berkembang.

# Lawatan PM ke India berhasil

**BARU-BARU** ini Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim membuat lawatan rasmii ke India namun terdapat pihak yang mempertikaikan apa yang dilakukan PM kononnya ia hanya perkara yang sia-sia sahaja dan sekadar makan angin.

Fitnah tidak masuk akal itu nampaknya tidak ke mana apabila terdapat banyak bukti yang menunjukkan keberhasilan apa yang dilakukan Anwar dalam usaha menjalankan kerjasama dengan India.

Misalnya sebelum ini, nilai dagangan Malaysia-India pada 2023 menunjukkan peningkatan baik pada kadar 15 peratus dan momentum perdagangan itu disasarkan meningkat pada tahun ini.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz berkata Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri India, Narendra Modi telah bersetuju untuk menaikkan taraf dan menambah baik apa-apa perjanjian sedia ada.

"Terutama sekali peningkatan hubungan daripada Perkongsian Strategik Dipertingkat (ESP) kepada Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP).

"Ini merangkumi banyak pelaburan dan perdagangan dalam sektor seperti pembuatan,



ANWAR ketika pertemuan dengan Perdana Menteri India, Narendra Modi di Hyderabad House, New Delhi.

semi konduktor, ekonomi digital dan teknologi kewangan (fintech) sampailah aspek keselamatan makanan dan sebagainya.

"Malah, sebelum ketibaan Perdana Menteri, berlangsung Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) membabitkan syarikat Malaysia dan India yang turut disertai Majlis Perniagaan Malaysia India (MIBC)," katanya sebelum Anwar pulang ke tanah air.

Terdahulu, Tengku Zafrul menyaksikan pertukaran tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) membabitkan syarikat dari Malaysia

dan India, merangkumi industri logistik, ekuiti swasta, pelaburan dan syarikat pemula.

MoU pertama ialah antara Renegy Bumi Hijau Sdn Bhd (RBHSB) dengan Kolej Kejuruteraan Thiagarajar, Madurai, Tamil Nadu, India (TCE), disusuli MoU antara Beyond4 Sdn Bhd dan T-Hub Foundation.

MoU ketiga adalah antara Mutiara Etnik Sdn Bhd dan Neptune Automation SWM Pvt Ltd, seterusnya ialah MoU antara Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn Bhd dan Rail Vikas Nigam Limited, India

(RVNL).

MoU kelima adalah antara Cradle Fund dan invest India, keenam ialah MoU antara SMH Rail Sdn Bhd, Malaysia dan BEML Limited Bengaluru, India dan MoU terakhir adalah antara MIBC dan Invest India.

Syarikat India telah memberi komitmen untuk melabur dalam tiga syarikat Malaysia membabitkan RM4.5 bilion dan dari segi perdagangan mendapat komitmen untuk membeli barang Malaysia seperti elektrikal dan elektronik, minyak sawit, kimia, bernilai RM8 bilion.

"Sehubungan itu, Perdana Menteri memberi kita masa tiga bulan untuk kembali melaporkan kemajuan kapadanya mengenai apa yang kita boleh buat bersama-sama dengan India dan dari sudut perdagangan, memangang ada banyak bidang baharu yang kita boleh tumpukan," ujar beliau.

Malah perjumpaan meja bulat baru-baru ini agak menarik kerana ada kepakaran Malaysia yang India perlukan dan juga sebaliknya.

"Kita dengan dua syarikat besar yang dalam mesyuarat satu sama satu dengan antara Perdana Menteri iaitu TCS, antara syarikat terbesar India yang disenaraikan di Mumbai dan sudah lama beroperasi di Malaysia dan satu lagi ialah HCL Tech," katanya.

## Kerajaan Perpaduan, BN bermasalah?

# HUBUNGAN TAHAP BAIK

**B**ERTEBARAN berita dalam media sosial apabila ada pihak yang mendakwa kononnya Kerajaan Perpaduan dengan Barisan National (BN) khususnya UMNO sedang bermasalah.

Malah ada yang menuah kononnya gabungan beberapa parti dalam kerajaan ini akan menemui kegagalan disebabkan masing-masing ada kepentingan sendiri.

Ini diakui sendiri Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semasa Perhimpunan Agung UMNO (PAU) yang memberi amaran supaya ahlinya tidak terbuai dengan fitnah dan tohongan pihak lawan sehingga terbit rasa sangsi sesama sendiri.

Ketika menyampaikan ucapan dasar di hadapan lebih 2,000 perwakilan, Ahmad Zahid mahu setiap ahli dan peringkat kepimpinan termasuk Majlis Kerja Tertinggi (MKT) mengetepikan perbezaan dalam usaha memperkuat parti agar UMNO kembali dominan pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Ia juga secara tidak langsung membuktikan fitnah untuk melagalkan BN dengan Kerajaan Perpaduan sememangnya wujud.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata hubungan dan kerjasama Kerajaan Perpaduan bersama parti gabungannya UMNO dan BN masih



PAU 2024 membabitkan 6,433 perwakilan dari seluruh negara.

di tahap baik.

Anwar juga berkata pada masa ini, kerjasama dengan UMNO adalah sangat memuaskan dengan ruang perbincangan masih dibuka secara baik.

"Jadi untuk masa hadapan, kita masih buka ruang untuk berbincang secara baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Masjid Se-Malaysia untuk Al Aqsa dan Palestin sempena Sambutan Hari Masjid Seduna 2024 di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Muktamar itu turut dihadiri

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Timbalannya, Dr Zulkifli Hasan serta Pengurus Bersama Penganjuran Muktamar Masjid Se-Malaysia untuk Al-Aqsa dan Palestin, Datuk Seri Ahmad Awang.

Baru-baru ini juga, media melaporkan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub berkata tiada sebab untuk parti itu bergerak secara solo pada pilihan raya akan datang.

Ahli MKT UMNO itu berkata ia mengambil kira keserasian yang


ditunjukkan parti Melayu itu dalam Kerajaan Perpaduan.

Katanya, dengan keserasian itu, beliau berharap untuk melihat kerjasama antara BN dan PH dapat diteruskan sehingga ke PRU-16.

Nampaknya jelas di sini kenyataan-kenyataan yang telah diberikan ini membuktikan Kerajaan Perpaduan dengan BN dan UMNO yang sedang bermasalah itu hanya tuduhan tidak berbasas sama sekali.

Rasanya pihak yang suka mencipta berita sensasi sekali gus menangguk di air keruh ini bolehlah berhenti membuat fitnah kerana ia hanya membuang masa sahaja.

## MENARIK WILAYAHKU



### KUALA LUMPUR

**26/7-26/9/24:** Pameran Raja Kita @ Muzium Negara

**29/6-28/9/24:** MYARTS@JKKN 2024 @ MaTiC KL Lobby

**7/9/24:** Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul

**4/7 - 1/12/24:** Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



### PUTRAJAYA

**22/8/24 - 1/9/24:** Royal Floria 2024 Putrajaya @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

**27 - 28/9/24:** Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024 @ Taman Wetland, Presint 13

**1 - 31/10/24:** Jom #BEATNCDS 2024

### LABUAN

**31/8-1/9/24:** Kejohanan Sepakan Penalti @ Dataran La

**15/9/24:** Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Complex

**10/11/24:** Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

## TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

# RUANG UDARA DITUTUP 60 MINIT

SABRINA SABRE

**R**UANG udara Putrajaya akan ditutup selama 60 minit setiap hari mulai 26 hingga 29 Ogos dan 31 Ogos bagi memberi laluan kepada persiapan serta sambutan Hari Kebangsaan 2024.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkusa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Datuk Kapten Norazman Mahmud, ruang udara Putrajaya akan ditutup dari pukul 11 pagi hingga 12 tengah hari dari 26 hingga 28 Ogos untuk latihan penerbangan.

Beliau berkata ruang udara di lokasi berkenaan turut ditutup dari pukul 8.45 hingga 9.45 pagi masing-masing pada 29 dan 31 Ogos untuk raptai penuh serta perarakan sambutan hari sebenar.

"Sehubungan itu, pengendalian dron di kawasan terbabit penutupan ruang udara sebelum dan pada Hari Kebangsaan adalah dilarang. Ia bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini terutamanya yang membabitkan aspek keselamatan orang awam dan pesawat yang sedang beroperasi.

"Larangan itu untuk memastikan persiapan dan sambutan Hari Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan selamat selain mengelak berlakunya sebarang kejadian tidak diingini membabitkan aspek keselamatan orang awam.

"Larangan ini juga bertujuan untuk mengelak risiko kemalangan terhadap pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) yang menjalankan latihan dan pertunjukan penerbangan formasi rendah di beberapa lokasi sambutan.

"Sebarang aktiviti penerbangan termasuk pengendalian aktiviti dron yang boleh mengundang bahaya kepada orang awam atau harta benda tertakluk di bawah Seksyen 4 Akta Penerbangan Awam 1969 (Akta 3), Peraturan 98, Peraturan 140-144, Peraturan Penerbangan Awam Malaysia dan Civil Aviation Directives (CADs)," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata aktiviti penguatkuasaan akan dilaksanakan oleh CAAM dan Unit Dron Polis Diraja Malaysia (PDRM)

bagi memantau sebarang operasi dron tanpa kebenaran.

## JALAN UTAMA DITUTUP

SEBANYAK 21 jalan utama di sekitar Putrajaya akan ditutup selama enam jam setiap hari bermula 5 pagi pada 26 hingga 29 Ogos ini bagi memberi laluan raptai sambutan Hari Kebangsaan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata antara jalan terlibat ialah Lebuh Wawasan/Jalan Tun Abdul Razak, Lebuh Bestari/Jalan Tun Abdul Razak, Jalan P2K/Persiaran Perdana, Jalan Pembangunan/Persiaran Perdana dan Jalan PC/Persiaran Perdana.

"Pada 30 Ogos, penutupan jalan bermula 7 petang melibatkan laluan ke Core Island dan 10 jalan utama akan ditutup sepenuhnya pada 31 Ogos bermula 5 pagi sehingga acara sambutan selesai.

"Laluan yang terlibat termasuk Persiaran Barat dan Lebuh Sentosa (arah Lebuh Saujana), Lebuh Sentosa dan Jalan Presint 8 (arah Lebuh Wawasan), Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah susur ke Laman Perdana, Jalan Presint 18 (arah Lebuh Bestari), Jalan Presint 18, Lebuh Setia dan Lebuh Saujana (arah Jalan Tun Hussein) serta Jalan Presint 5 (arah Lebuh Gemilang Perdana)," ujarnya.

## KESELESAAN PENGUNJUNG

KAPASITI tempat duduk awam bertingkat di Dataran Putrajaya akan ditambah bagi menjamin keselesaan orang ramai yang akan berhimpun di kawasan itu bagi menyaksikan pelbagai persembahan pada sambutan Hari Kebangsaan yang akan berlangsung pada 31 Ogos ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadil berkata tambahan kemudahan itu bertujuan untuk memastikan semua pengunjung yang dianggarkan menjangkau 200,000 orang itu dapat merasai kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 tahun ini.

"Perkhidmatan teksi air adalah antara mod pengangkutan yang disediakan bagi memudahkan orang ramai hadir memeriahkan



hadir menyaksikan kemeriahan sambutan itu yang merupakan anjuran sulung Kerajaan Perpaduan.

"Bagi memudahkan dan menambah lagi keselesaan pengunjung pada hari sambutan itu nanti, 14 skrin LED bersaiz gergasi turut ditempatkan di beberapa tempat di sepanjang jalan menghala ke arah Dataran Putrajaya," ujar beliau.

Sementara itu, Fahmi yang juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan Hari Malaysia (HKHM) 2024 berkata perkhidmatan teksi air turut disediakan oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi memudahkan pergerakan pengunjung dari kawasan parkir ke Dataran Putrajaya.

"Perkhidmatan teksi air adalah antara mod pengangkutan yang disediakan bagi memudahkan orang ramai hadir memeriahkan



sambutan Hari Kebangsaan ke-67 di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos ini.

"Sebanyak enam buah teksi air dan tiga cruise tasik disediakan secara percuma untuk orang awam hadir menyaksikan sambutan hari berkenaan. Orang awam boleh menaiki teksi air di dua laluan iaitu Laluan 1 membabitkan Jeti Ayer 8

– Jeti Monumen, manakala Laluan 2 pula ialah Jeti Kelab Tasik – Jeti Monumen.

"Bagi laluan 3 (cruise tasik) pula adalah Jeti Marina – Jeti Anjung Floria. Perkhidmatan itu ditawarkan percuma bermula pukul 5 pagi hingga 12 tengah hari 31 Ogos sahaja," ujarnya.





OPERASI yang dijalankan oleh DBKL baru-baru ini.

## Lapan barang disita

**SEBANYAK** lapan barang perniagaan telah dikenakan tindakan sita menerusi Tindakan Khas Pindah Halangan yang diadakan baru-baru ini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata tindakan khas tersebut dilakukan di sekitar Taman Danau Desa, Seputeh dan Jalan Pantai Dalam, Lembah Pantai.

"Dalam operasi tersebut, sebanyak lapan barang perniagaan telah dikenakan tindakan sita serta-merta di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (dua Parlimen Seputeh dan enam Parlimen Lembah Pantai).

"Kesemua barang yang diambil tindakan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk

tindakan rekod dan dokumentasi," katanya menerusi hantaran di laman rasminya.

Tambahnya, tindakan khas itu dijalankan oleh DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Seputeh dan Pejabat Cawangan Lembah Pantai.

Sementara itu, DBKL turut menjalankan Operasi Bersepada (Operasi Pindah Halangan dan Roboh Struktur) di sekitar Jalan Raja Alang, Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2024 (lsnin).

"Hasil daripada operasi yang dijalankan, DBKL telah merobohkan struktur binaan yang dibina di atas tempat awam. Tindakan telah diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Kesemua sisa struktur telah

dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi yang dijalankan," ujarnya.

Jelasnya, operasi tersebut dijalankan oleh DBKL Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Pejabat Cawangan Titiwangsa serta Polis Diraja Malaysia.

DBKL berkata pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

"Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan tertera seperti berikut <https://adukl.dbkl.gov.my/>," ujarnya.

## Kurangkan risiko insiden tanah mendap

# PERKUKUH KERJASAMA PAKAR

SYED HAZIQUE

**M**ENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyatakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu perkukuh kerjasama dengan pakar geologi dan infrastruktur.

Menurut Zaliha, kerjasama tersebut untuk menilai serta mengurangkan risiko kejadian tanah mendap berlaku lagi pada masa hadapan.

Zaliha menambah, beberapa insiden yang berlaku di Kuala Lumpur sejak akhir-akhir ini merupakan satu ruang untuk semua pihak termasuk DBKL meneliti dan menambah baik kaedah pemantauan dan tindak balas kepada insiden tersebut.

"Sehubungan itu, saya telah mengarahkan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif untuk segera bekerjasama secara dekat dengan ahli geologi dan pakar infrastruktur untuk menilai dan mengurangkan sebarang risiko insiden seperti ini pada masa akan datang."

"Pihak Jabatan Wilayah

Persekutuan (JWP) dan DBKL juga akan memperkuatkannya prosedur operasi standard (SOP) pembangunan dengan memastikan kajian geoteknik oleh jurutera bertauliah dikemukakan di peringkat lebih awal iaitu di peringkat permohonan kelulusan perancangan," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Menurut Zaliha, beliau juga sedang berkomunikasi secara dekat dengan Duta Besar India ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT) B.N. Reddy dalam memberi perkembangan dari semasa ke semasa berhubung operasi mencari dan menyelamat (SAR) yang masih dijalankan.

Justeru itu, Zaliha menyarankan agar mana-mana pihak tidak perlu menangguk di air keruh untuk mencari publisiti murahan atau mempolitikkan isu tersebut.

"Saya menghargai keprihatinan semua pihak terkait isu tanah mendap di sekitar Kuala Lumpur, adalah penting untuk isu ini ditangani dengan fakta dan

tindakan yang berasas, bukan hanya retorik dan tindakan yang boleh menyebabkan keresahan rakyat.

"Fokus kita sekarang adalah untuk mencari penyelesaian yang konstruktif demi keselamatan dan kesejahteraan semua," ujarnya.

Tambah Zaliha, beliau turut berkomunikasi dari semasa ke semasa dengan Datuk Bandar untuk mengenal pasti tindakan segera yang dilaksanakan dan strategi jangka panjang selain tidak menolak kemungkinan untuk mengkaji semula dasar perancangan bandar di Kuala Lumpur agar risiko insiden dapat dikurangkan dengan lebih berkesan.

"Saya menyeru semua pihak termasuk penduduk dan pemegang pemegang taruh yang berkaitan untuk bersama-sama memberi pandangan yang konstruktif."

"Pihak berwajib akan memaklumkan dari semasa ke semasa perkembangan terkini berhubung insiden tersebut," katanya.

## Simbolik terima tugas baharu

**PEMAKAIAN** kalung kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif merupakan simbolik dan tradisi penerimaan tugas baharunya itu.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kalung yang telah dipakaikan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur merupakan kalung yang telah diterima oleh DBKL pada tahun 1972 seberat 624 gram dan bertatahkan 13 butir belian.

"Kalung ini dipakai buat pertama kalinya oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur kedua," katanya di Facebook.

DBKL berkata demikian selepas Majlis Pemakaian Kalung Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-15 baru-baru ini di Menara DBKL 1.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah

Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Selasa lalu, Zaliha telah menyerungkan kalung tersebut kepada Maimunah sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-15.

Sementara itu, DBKL berkata Maimunah turut menerima keris Datuk Bandar oleh Zaliha yang merupakan simbolik penyerahan amanah yang bakal dijalankan oleh ketua pentadbir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Maimunah telah memulakan tugasnya sebagai Datuk Bandar ke-15 pada 15 Ogos lalu bagi menggantikan Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh yang merupakan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-14.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim.



ZALIHA memakaikan kalung kepada Maimunah.



SATU lagi insiden tanah mendap dikesan berdekatan Pondok Polis Masjid India.

# 5 kategori baharu ASMN 2024 diperkenal

**ANUGERAH** Saintis Muda Negara (ASMN) 2024 memperkenalkan lima kategori baharu berbanding dua penganugerahan sebelum ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkata lima kategori utama ASMN 2024 adalah biologi, fizik, kimia, perubatan dan kejuruteraan.

"ASMN ini adalah bagi mengiktiraf serta menghargai kerja dan pencapaian yang cemerlang oleh saintis muda dalam bidang penyelidikan dan pembangunan

(R&D) STI negara.

"Anugerah ini menggalakkan penjanaan pengetahuan baharu dalam bidang sains untuk memastikan Malaysia berdaya saing dengan negara luar terutamanya dalam bidang R&D," katanya dalam satu kenyataan media.

Jelasnya, penganugerahan ini juga merupakan satu persediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan dengan mengetengahkan hasil penyelidikan berpotensi dalam menyelesaikan

masalah seharian.

"Menerusnya, Malaysia mampu melahirkan saintis-saintis muda negara yang mempunyai daya cipta tinggi dalam meningkatkan ekonomi negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan makmur selaras konsep Malaysia MADANI."

Sementara itu, pendaftaran calon untuk anugerah-anugerah ini telah dibuka dan boleh dibuat menerusi laman web [www.mosti.gov.my](http://www.mosti.gov.my) sehingga 13 September

2024," ujarnya.

Terdahulu pada tahun 2023, sebanyak 18 pencalonan bagi ASMN telah diterima di mana sebanyak 11 pencalonan adalah bagi kategori Sains Fizikal dan tujuh pencalonan adalah dalam bidang Sains Hayat.

Penganugerahan ASMN 2023 kategori Sains Hayat telah diberikan kepada kajian bertajuk 'Nurturing A Green Future: Unleashing the Power of Graphitic Carbon Nitride-Based Photocatalyst for Efficient Artificial Photosynthesis

in Revolutionizing Malaysia's Sustainable Energy Generation and Circular Economy' oleh ChM Dr Mohamad Azuwa Mohamed daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala kajian bertajuk 'Advancing Translational Research in Snake Venom Toxicology: Pioneering a Holistic Approach to Combat Snakebite Envenoming in Southeast Asia' bagi ASMN 2023 kategori Sains Fizikal dimenangi oleh Profesor Madya Dr Tan Kae Yi dari Universiti Malaya. 

## YWP perkasa generasi muda

# SKOR SUBJEK SPM

DIANA AMIR

**YAYASAN** Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa memberi komitmen penuh dalam memperkasa generasi muda di Kuala Lumpur dengan mengadakan pelbagai program pendidikan.

Pengurus Kanan YWP, Datin Ts Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir berkata program pendidikan yang dianjurkan melibatkan seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Baru-baru ini seramai 300 orang calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari 76 buah Sekolah Menengah di Labuan telah terpilih bagi menyertai Seminar Kecemerlangan SPM yang diadakan secara percuma.

"Program tersebut telah berlangsung selama empat hari bermula dari 19 hingga 22 Ogos 2024 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak," katanya.

Berkongsi lanjut, Ida berkata antara objektif penganjuran seminar tersebut adalah untuk meningkatkan kefahaman murid mengenai teknik menjawab soalan SPM dalam subjek-subjek yang mempunyai peratus lulus yang rendah dan wajib lulus seperti Matematik, bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan Sejarah.

"Selain itu, ia bagi memberi galakan kepada ibu bapa dalam membantu pelajar mempertingkatkan prestasi dalam bidang akademik, membekalkan bahan rujukan serta tips-tips yang berguna.

"Ia juga boleh digunakan sepanjang tempoh persediaan serta memotivasi pelajar dengan berkongsi kisah kejayaan daripada individu yang telah berjaya dalam bidang akademik," ujar beliau.

Dalam masa sama, pihak YWP turut menyumbangkan pembukaan akaun simpan SSPN kepada 300 orang pelajar SPM yang menyertai seminar.

"Kos keseluruhan yang diperuntukkan adalah sebanyak



IDA HARLINA

RM270,000 merangkumi pelaksanaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan selain kami turut mengalukan sumbangan daripada individu atau syarikat korporat untuk bersama-sama YWP dalam usaha meningkatkan taraf hidup warga kota serta menaikkan kemiskinan bandar.

"Sumbangan boleh disalurkan ke Tabung Kebajikan & Pelajaran YWP di CIMB Bank (**8001103675**) atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan serta catatkan kod 'Sumbangan Tabung YWP,'" katanya.

Dalam pada itu, YWP turut mengucapkan penghargaan kepada

pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan khusus untuk seminar di Kuala Lumpur.

Terdahulu, seminar anjuran YWP, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) dan DBKL ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) merangkap Pengurusi YWP, Dr Zaliha Mustafa.

Hadir sama Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran JPWPKL, Abdul Aziz Md Hashim; mewakili Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, Ahmad Ibnu Sina Termizi dan Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj. 



GELAGAT peserta sentiasa fokus ketika Seminar Kecemerlangan SPM yang diadakan di UIAM Gombak baru-baru ini.



MAS HAZIRAH (kanan) menyampaikan sumbangan kepada penghidap PJJ.

## 500 individu hidap PJJ

**KIRA-KIRA** 500 penduduk di negara ini disahkan menghidap penyakit kronik yang tersenarai dalam kategori penyakit jarang jumpa (PJJ).

Pengarah Yayasan Luth, **Mas Hazirah Saifuddin** berkata menyedari PJJ memerlukan kos perubatan yang begitu tinggi membuatkan beliau menubuhan yayasan tersebut.

"Penubuhan Yayasan Luth adalah lanjutan daripada perjuangan anak saya, Mas Muhammad Luth Muhammad Aliff yang telah meninggal dunia kerana menghidap ketumbuhan otak agresif tahap empat, *Glioblastoma Multiforme* (GBM).

"Yayasan ini juga diwujudkan sebagai sebuah wadah murni untuk menyalurkan bantuan kepada anak-anak kecil di Malaysia yang diuji dengan PJJ agar mereka dapat menerima rawatan dan perubatan dengan segera.

"Penyakit yang jarang ditemui ini memerlukan kos perubatan yang begitu tinggi dan rawatan segera adalah sangat diperlukan demi menyelamatkan nyawa anak-anak yang tidak berdosa ini," katanya.

Tambahnya, Yayasan Luth yang telah diasaskan pada September 2023 ini telah membantu hampir

200 kanak-kanak yang menghidap PJJ.

"Yayasan ini berdiri teguh dengan sokongan para penasihat perubatan yang budiman, Profesor Dr Thong dan Dr Foo dari Hospital PPUM serta Penasihat Yayasan, Datuk Hatijah Ayob.

"Mereka ini bukan sahaja memberi bimbingan dan harapan, tetapi juga telah membantu saya dalam perjuangan untuk menyembuhkan anak kesayangan saya," ujarnya.

Mas Hazirah turut menyeru semua pihak sama ada individu, sektor swasta, mahupun korporat, agar tampil membantu mengisi dana demi meringankan beban anak-anak kecil yang teruji ini.

"Memandangkan betapa besarnya kos yang diperlukan untuk merawat penyakit ini, Yayasan Luth yang mewakili ramai pesakit kanak-kanak penyakit jarang jumpa yang sudah ada dan yang mungkin akan bertambah pada masa hadapan, memohon agar semua pihak bertanggungjawab mengambil perhatian serius terhadap penyakit ini, serta bertindak secara proaktif antaranya mewujudkan pusat rawatan, perubatan dan kajian penyakit jarang jumpa di negara ini," ujar beliau. 

# MALAM SAMBUT MERDEKA



KU SEMAN KU HUSSAIN

**M**ALAM ulang tahun kemerdekaan negara meninggalkan kenangan yang sangat manis dalam hidup saya. Sejak berusia enam tahun lagi istilah ‘merdeka’ sudah tertanam dalam ingatan apabila arwah ayah sering membawa saya ke Padang Bandaran Kangar untuk melihat sambutan ulang tahun kemerdekaan.

Ketika itu dalam kalangan orang kampung hanya menyebut ‘malam sambut merdeka’ sahaja yang merujuk acara sambutan ulang tahun kemerdekaan pada malam menjelang 31 Ogos setiap tahun. Bagaimanapun waktu itu saya belum faham erti merdeka, hanya tertarik pada ‘malam sambut merdeka’ kerana kemeriahannya sahaja.

Suasana seperti itu adalah satunya yang ada pada zaman itu – awal 1960-an di Perlis. Selain itu sekadar kemeriahannya malam menjelang dan selepas kenduri kahwin di kampung kerana adanya dengan persembahan Gendang Terinai, Awang Batil atau Wayang Kulit. Itulah sahaja acara kemeriahannya yang ada.

Bagaimanapun kemeriahannya ‘malam sambut merdeka’ jauh lebih besar dan banyak pula pengunjungnya. Sebagai kanak-kanak yang membesar dengan pelita minyak tanah, gemerlapannya lampu yang berwarna-warni di Padang Bandaran Kangar adalah suatu yang sangat luar biasa dan amat mempesona. Itu belum lagi pertunjukan bunga api yang hanya boleh disaksikan pada acara meriah itu.

Masih kekal dalam ingatan, saya duduk di palang depan basikal dan ayah mengayuh lebih kurang 12



LOKASI inilah menjadi saksi bendera Kesatuan diturunkan dan bendera Malaysia dinaikkan untuk kali pertama pada tengah malam 31 Ogos 1957.

kilometer dari rumah ke Kangar. Sepanjang perjalanan ayah selalu bercerita tentang merdeka. Tetapi saya tidak dengar sangat kerana lebih teruja dengan pemandangan di kiri dan kanan jalan menuju ke Kangar. Hanya sesekali mendengar ayah menyebut perkataan ‘Tunku’, ‘orang putih’ dan ‘Sukarno’.

Setiap tahun apabila terdengar banyak sebutan ‘merdeka’ di radio, saya sudah dapat mengagak bahawa tidak lama selepas itu tentu ada ‘malam sambut merdeka’ di Kangar. Tekaan saya selalu benar dan ayah hampir tidak pernah mungkir membawa saya menyaksikan malam yang sangat meriah itu.

Dalam keriuhan di Padang Bandaran Kangar, beberapa kali juga saya mendengar ucapan seorang yang bernama Pak Sheikh

di pentas besar di tengah padang. Saya tidak tahu siapa Pak Sheikh, tetapi tentulah orang besar-besarkan kerana berucap di tengah-tengah orang ramai.

## DETIK 12 TENGAH MALAM

SELEPAS bersekolah rendah barulah saya tahu bahawa ‘Pak Sheikh’ itu adalah Datuk Sheikh Ahmad bekas Menteri Besar Perlis. Saya juga mulai memahami dengan lebih dalam mengenai kemerdekaan. Guru-guru juga banyak bercerita tentang sejarah ringkas perjuangan rakyat hingga negara mencapai kemerdekaan. Semakin jelas siapa ‘Tunku’ yang kerap diberitahu ayah kepada saya. Beliau adalah Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pertama negara ini.

Pada hari Ahad minggu terakhir setiap Ogos pula diadakan perhimpunan di depan sekolah. Saya dan murid-murid lain menyanyikan lagu Negaraku kemudian diikuti dengan beberapa lagu patriotik yang lain. Antara lagu yang tidak pernah luput di ingatan saya adalah Tanah Pusaka, Malaysia Tanah Airku dan Putera Puteri.

Lama selepas itu barulah saya tahu bahawa lagu-lagu itu dicipta oleh pencipta lagu patriotik tersohor, Johar Bahar. Beliau banyak mencipta lagu-lagu yang bercorak perjuangan. Salah satu lagunya adalah Selamat Tinggal Bungaku yang dicipta pada tahun 1948 dan merupakan sebuah lagu roman perjuangan yang sangat berpengaruh pada zaman penjajah.

Pada 1984 ketika mula bekerja di Kuala Lumpur, saya berpeluang menyaksikan acara sambutan menjelang ulang tahun kemerdekaan di Padang Kelab Selangor (sekarang Dataran Merdeka). Itulah kali pertama melihat acara menunggu detik 12 malam pada 31 Ogos 1984 di menara jam Bangunan Sultan Abdul Samad.

Apabila jarum jam besar menunjukkan pukul 12.01 malam, semua pengunjung bertepuk sorak sambil melaungkan ‘Merdeka! Merdeka! Merdeka!’ Sambutan di Padang Kelab Selangor itu berkali ganda lebih besar berbanding sambutan ‘malam sambut merdeka’ di Padang Bandaran Kangar ketika saya masih kanak-kanak.

Ketika itu saya berdiri di tepi Padang Kelab Selangor yang menjadi tempat bersejarah turunnya bendera penjajah, Union Jack pada pukul 12.01 malam 31 Ogos 1957. Kemudian diganti dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu sebagai simbolik terlepasnya negara ini daripada cengkaman penjajah.

Ayah juga pernah berimpian untuk datang menyaksikan turunnya bendera Union Jack itu. Bagaimanapun ayah tidak dapat bersama-sama kawan-kawannya dalam barisan penentang Malayan Union di Perlis ke Kuala Lumpur kerana kekangan kewangan.

Kemudian pada esoknya iaitu 31 Ogos 1984, diadakan perbarisan dan perarakan yang paling besar yang pernah saya saksikan di sepanjang Jalan Raja depan Bangunan Sultan Abdul Samad. Ketika berada di tepi Jalan Raja dan menyaksikan perbarisan itu membuatkan saya segera teringat ayah yang jauh di kampung. Ayah tentunya menjadi orang paling gembira sekiranya berpeluang menyaksikan perarakan dan perbarisan pada pagi 31 Ogos itu.

Pagi itu saya melihat acara sambutan ulang tahun kemerdekaan yang ke-27 itu dengan mata ayah, orang pertama yang memahamkan saya tentang kemerdekaan yang diperjuangkan oleh rakyat jelata ketika masih kanak-kanak. Malah rakyat jugalah yang bangkit menentang Malayan Union hingga gagasan British itu terpaksa dibatalkan.

Esok (31 Ogos 2024) kita menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-67 dan itu bermakna sepanjang garis masa berkenaan secara rasmi atau ‘di atas kertas’ kita sudah merdeka daripada belenggu penjajah. Sekalipun begitu kemerdekaan yang sebenar tidak boleh disukat dengan sesuatu yang berbentuk angka. Hal itu kerana kemerdekaan yang sebenarnya adalah apabila kita boleh berfikir dengan merdeka terhadap semua sesuatu yang berkaitan kepentingan negara.

Pada zaman kanak-kanak dulu saya amat terpesona dengan kemeriahannya dan lampu-lampu yang gemerlap pada ‘malam sambut merdeka’. Tetapi pada masa kini, saya dihujani persoalan, apakah kita sudah cukup mengisi makna kemerdekaan selepas 67 tahun Union Jack diturunkan di Padang Kelab Selangor.

Pada era neokolonialisme ini, penjajahan terus berlaku tetapi dalam bentuk yang baharu dan menggunakan kuasa lunak (*soft power*) – misalnya melalui budaya, seni dan gaya hidup. Kemerdekaan menjadi tidak bermakna sekiranya kita kurang mengambil endah terhadap penjajahan dalam bentuk yang amat mempersona itu.

Sambutan ulang tahun kemerdekaan negara tidak sekadar acara tahunan dan kita hanya tertunggu-tunggu untuk menikmati hari cuti umum pada setiap 31 Ogos saban tahun. Sebaliknya setiap kali 31 Ogos itu adalah jam loceng yang mengejutkan kita dari lena.

Semoga generasi hari ini tidak seperti saya yang tertunggu-tunggu kemeriahannya acara ‘malam sambut merdeka’ ketika masih kanak-kanak suatu waktu dulu. Makna kemerdekaan semestinya jauh lebih besar dan utama daripada semua kepentingan peribadi dan kebendaan.

## RAGAM KOTA

MATOMATO






Bil 277 . 30 OGOS - 5 SEPTEMBER 2024



# KUASA Wanita

>>10-11

# MARTABAT WANITA MELONJAK LAGI



AZLAN ZAMBRY

**K**EPIMPINAN wanita dalam pembangunan negara telah menjadi keperluan membentuk masa depan masyarakat di seluruh dunia dalam dekad ini. Ketika negara bergelut dengan cabaran kompleks seperti ketidaksamaan ekonomi, perubahan iklim dan keadilan sosial, penyertaan wanita dalam kepimpinan telah terbukti penting untuk memupuk pembangunan holistik dan mampu.

Era ini menandakan peralihan yang ketara berikutnya kepimpinan berkualiti serta kemahiran mengurus melibatkan dua wanita besi yang diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan lantikan berasal dari sejarah Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif yang juga wanita pertama menggalas tugasannya tersebut.

Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Syarifah Yuliana Syed Ali Hanafiah** berkata idea yang dipelopori Dr Zaliha selaku menteri bertanggungjawab untuk melantik Datuk Seri Maimunah ke jawatan penting sebagai wanita pertama menerajui Kuala Lumpur adalah pilihan tepat atas kredibiliti dan profesionalisme beliau.

"Maimunah telah membuktikan bahawa pengalaman, ilmu dan kemahiran yang dimiliki merupakan asbab beliau dipilih oleh menteri untuk menggalas tanggungjawab tersebut."

"Dengan pencapaian sebagai seorang Perancang Bandar yang diiktiraf, pengalaman luas ketika memegang jawatan Datuk Bandar Pulau Pinang dan Datuk Bandar Seberang Perai sebelum ini, selanjutnya kejayaan Dr Maimunah mengembalikan kedudukan Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Habitat) sebagai peneraju pemikiran dalam perbandaran mampan adalah sesuatu yang hebat."



SYARIFAH YULIANA

"Selain itu, pengalaman 39 tahun dalam perancangan dan penjenamaan semula bandar mengukuhkan idea dan alasan yang utuh bagi menteri untuk melantiknya," katanya.

Menurut Syarifah Yuliana, kepimpinan dua wanita dalam kedudukan strategi diterajui Zaliha, Datuk Maimunah telah mentransformasi pentadbiran dan tadbir urus Kuala Lumpur serta mendemonstrasikan kesatuan komitmen yang tidak berbelah bahagi demi memperjuangkan kualiti kelangsungan hidup, pendidikan, kepimpinan serta kebijakan masyarakat yang lebih baik.

"Transformasi pentadbiran di bawah kepimpinan dua wanita tersebut di Wilayah Persekutuan ditunjangi oleh tanggungjawab mereka sebagai nakhoda hebat untuk sebuah bahtera dengan membentuk, memimpin dan menerajui pasukan demi mencapai visi dan misi yang sama."

"Ia membuktikan mereka juga adalah pengurus emosi yang efisien, dan merupakan ikon dan model idola untuk kakitangan bahawa sekali gus memberikan impak dalam perkhidmatan kepada warga Wilayah Persekutuan," katanya.

## TIADA TANDINGAN

**REFORMASI** dasar yang membawa kepada pelantikan wanita dalam memberikan peranan penting ini dizahirkan berikutnya sikap percaya dan tekad untuk mengangkat martabat wanita dalam era kepimpinan dan politik negara.

"Pembaharuan ini merupakan advokasi Kerajaan MADANI kepada rakyat bahawa wanita perlu diraikan bersama-sama, seiring dan sejalan dalam mengemudi bahtera kepimpinan dan membina kerajaan yang gemilang."

"Ini juga diterjemahkan kepada peranan wanita dalam sejarah tanah

air seperti Halimahton Abdul Majid boleh menerajui Kaum Ibu Rembau di sekitar tahun 1946; Zahara Mohamed Taib dan Fatimah Haji Yunos memimpin Wanita UMNO pada tahun 1952, Bibi Aishah Hamid Don (1955) dan Tan Sri Paduka Seri Hajah Aishah Hj Ghani memimpin pelbagai persatuan dan juga dilantik sebagai Menteri Kebajikan, serta Tan Sri Devaki Krishnan yang merupakan wanita pertama dalam perkhidmatan awam," katanya.

Beliau berkata sudah pasti wanita-wanita besi ini berdepan pelbagai cabaran langsung dalam mengemudi jentera yang sering mendapat sorotan daripada pelbagai pihak berikutnya banyak isu yang melingkari di Wilayah Persekutuan, namun katanya dengan ilmu kepakaran, pengalaman yang luas dan kemahiran yang sentiasa diperbaiki, pastinya kedua-dua tokoh wanita itu dapat menangani isu modal insan itu sebaiknya.

"Dari segi pengurusan emosi pula, mereka telah membuktikan dan menyangkal bahawa kenyataan wanita itu lemah adalah palsu belaka dengan membuktikan pencapaian dan kejayaan sehingga tahap mereka sekarang. Kemahiran kecerdasan emosi (*emotional intelligence*) yang mereka miliki mencerminkan bahawa mereka juga layak berada di jawatan sekarang," katanya.

Menurut Syarifah Yuliana, dengan perkembangan semasa termasuk tragedi mendapan tanah yang berlaku di ibu negara ketika ini menunjukkan keupayaan pemimpin wanita ini berupaya menggalas tanggungjawab dan berusaha memastikan isu berkenaan dapat diselesaikan dengan tuntas sekali gus menafikan wujudnya isu perbezaan gender dalam pentadbiran.

"Dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong dan perancangan Kerajaan MADANI yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kita yakin potensi bias gender itu semakin tidak diperlakukan," katanya. 

Menurut di Universiti Malaya, beliau bermula sebagai pegawai

## PEMIMPIN WANITA MALAYSIA YANG DISEGANI

### DATUK SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merupakan ahli politik dan juga bekas Timbalan Perdana Menteri wanita pertama di Malaysia dan juga bekas Presiden Parti Keadilan Rakyat. Buat kali pertama dalam sejarah, Malaysia mempunyai

Timbalan Perdana Menteri wanita dan itu adalah satu pencapaian yang amat tidak disangka-sangka akan berlaku.

Beliau juga pernah menjadi Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat hingga tahun 2020 dan kini merupakan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, selepas senarai Kabinet telah



diumumkan oleh Perdana Menteri yang baru dilantik, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau merupakan wanita pertama yang memegang jawatan politik tertinggi di Malaysia. Di peringkat parti, beliau ialah Presiden Pakatan Harapan.

Wan Azizah sebelum ini juga pernah dipilih sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh dari 1999 hingga 2008 dan merupakan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat dari Mac 2008 hingga 31 Julai 2008 dan kemudian dari Mei 2015 hingga Mei 2018.

### YANG MULIA UNGKU TAN SRI DR ZETI AKHTAR UNGKU ABDUL AZIZ

Daripada lima orang ahli cendekiawan yang dipilih oleh Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad untuk menyertai Majlis Penasihat Elit Kabinet, Tan Sri Zeti Aziz merupakan satu-satunya wanita di situ.

Dengan pengalaman 16 tahun sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia, Zeti positif terhadap pemuliharaan semula ekonomi negara seperti yang pernah berlaku pada pertengahan 1990-an di bawah era pentadbiran Tun M.

Beliau turut dinobatkan sebagai



antara gabenor bank pusat terbaik pada 2009. Pada 13 September 2010, Dr Zeti terpilih sebagai antara Ketua Bank Pusat Terbaik Dunia oleh majalah Global Finance. Ia berdasarkan faktor kawalan inflasi, sasaran pertumbuhan ekonomi, kestabilan mata wang dan pengurusan kadar faedah.

Selain itu, ibu kepada dua orang cahaya mata ini juga pernah menerima anugerah diraja pada 2018 untuk inisiatif kewangan Islam Malaysia berikutan kepimpinannya diakui hingga ke peringkat dunia.

### TAN SRI DR SITI ZAHARAH SULAIMAN

Bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini merupakan antara pemimpin wanita disegani dalam pentadbiran negara dan politik.

Siti Zaharah yang berkelulusan Doktor Falsafah (Pengajian Pentadbiran Pendidikan dan Organisasi) Universiti Cornell New York, Amerika Syarikat menjadi pemimpin wanita UMNO pertama dari Pahang yang dipilih sebagai Ahli Majlis Tertinggi (MT) parti itu pada pemilihan parti 1987.

Di dalam pentadbiran negara, Siti Zaharah pernah dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,



Timbalan Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Perusahaan Awam. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Perancangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selain Penyelaras, Program Maktab Rendah Sains MARA.

Selain itu, beliau pernah menjadi Penaung Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera (USAHANITA), Presiden Pertama Pertubuhan Ahli-ahli Parlimen Wanita dari Negara-Negara Islam, Presiden Persatuan Hoki Wanita Malaysia dan Naib Presiden Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (MAAU).

### TAN SRI TENGKU MAIMUN TUAN MAT

Wanita berusia 65 tahun ini berkhidmat dalam bidang kehakiman sejak 38 tahun lalu sebelum dilantik sebagai Ketua Hakim Negara pada Mei 2019.

Beliau merupakan satu-satunya panel tiga hakim yang membantah keputusan meneruskan pertuduhan terhadap mendiang Karpal Singh dalam kes Akta Hasutan pada 2016.



undang-undang pada 1982 sebelum dilantik pesuruhjaya kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur antara Oktober 2006 hingga September 2007.

Kemudian Tengku Maimun menjadi hakim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sejak 2007 dan Shah Alam empat tahun kemudian. Beliau dilantik hakim Mahkamah Rayuan pada 2013 sebelum ke Mahkamah Persekutuan mulai Januari 2018.

# Maimunah cipta sejarah tersendiri

**PELANTIKAN** Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif sebagai wanita pertama menjawat jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu disifatkan sebagai satu sejarah baharu negara sekali gus meletakkan sentuhan penting dalam tadbir urus bandar raya Kuala Lumpur untuk masa hadapan.

Dengan pengalaman luas dalam perancangan bandar dan pembangunan mampu termasuk berperanan di peringkat dunia, Maimunah bakal membawa pendekatan berwawasan ke salah satu metropolis Asia Tenggara yang paling bertenaga. Beliau bakal mengemudinya untuk fasa pertumbuhan seterusnya dengan memfokuskan pada keterangkuman, inovasi dan daya tahan.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), **Dr Mohamad Tawfiq Yaakub**, beliau menyifatkan Kuala Lumpur bertuah kerana Maimunah mempunyai pengalaman yang luas selain dikenali di peringkat antarabangsa untuk membangunkan bandar raya berkenaan menjelang Malaysia bakal menjadi Pengerusi Asean tahun 2025.

“Sebagai bekas Pengarah UN Habitat, sebuah agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pastinya beliau akan menyusun semula kehidupan penduduk di Kuala Lumpur dengan persekitaran yang lestari. Dalam masa sama, beliau akan memastikan elemen perancangan bandar seimbang antara keperluan pembangunan yang pesat dengan kesejahteraan hidup masyarakat.

“Selain itu, beliau juga dijangka akan melakukan pembaharuan melibatkan operasi harian pegawai dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selari dengan aspirasi kerajaan yang mementingkan tata kelola,” katanya ketika dihubungi.

Mohamad Tawfiq berkata beliau menjangkakan akan berlaku perubahan yang signifikan terhadap beberapa isu yang membebani warga kota termasuklah isu kesesakan lalu lintas dan juga masalah perumahan yang memerlukan satu formula baharu menerusi kebijaksanaan dan pengalaman beliau sebelum ini.

“Bukan sekadar mengehadkan kenderaan berat mengikut waktu tertentu untuk masuk ke Kuala Lumpur atau penggunaan kenderaan awam, tetapi pendekatan lain seperti kebenaran masuk ke bandar raya ini berdasarkan had usia kenderaan. Selain itu, menyediakan alternatif yang lebih banyak seperti kenderaan percuma seperti coaster bus, kereta khas yang bergerak dalam lingkungan kota bagi mengurangkan kadar



MOHAMAD TAWFIQ



ZALIHA (tengah) ketika Majlis Pemakaian Kalung Datuk Bandar ke-15. Turut sama Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim (kiri).

masuk kenderaan dalam kawasan bandar,” katanya.

Beliau berkata isu seperti masalah perumahan dan pengurusan sisa juga boleh ditangani oleh beliau dengan menjalankan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) sekitar Lembah Klang seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Selangor dan Majlis Perbandaran Kajang untuk meredakan tekanan beban tanggungjawab yang perlu dihadapi oleh DBKL.

“Bagi saya perlu diwujudkan Greater Klang Valley Administration yang diterajui oleh Datuk Seri Maimunah supaya beberapa PBT yang berada di bawah pentadbiran beliau dapat bersama-sama memikul tanggungjawab berat kerana wilayah sekitar Lembah Klang turut menerima tempias dan pembangunan dan limpahan kemakmuran,” katanya.

Menurut Mohamad Tawfiq, momen beliau mengetuai PBT di Pulau Pinang merupakan pengalaman berharga kepada beliau untuk mengendalikan isu-isu berkaitan rakyat dan tekanan politik digunakan ketika berkhidmat di Kuala Lumpur.

“Landscape politik Pulau Pinang dan Kuala Lumpur adalah sama, malah keadaan ini lebih memudahkan tugas beliau untuk menerajui pentadbiran ibu kota. Beliau perlu meneruskan tindakan tegas membatalkan lesen perniagaan milik warganegara yang

menyerahkan perniagaan mereka kepada warga asing di Kuala Lumpur.

“Di samping itu beliau perlu berani memperkenalkan dasar dan syarat baharu pembukaan pasar raya besar di KL dengan mengenakan kuota untuk sewaan kepada syarikat Bumiputera sebanyak 30 peratus untuk mengangkat posisi ekonomi mereka yang tertinggal selama ini akibat dianaktirikan oleh konglomerat besar disebabkan oleh status perniagaan Bumiputera adalah syarikat tempatan,” katanya.

Tambahnya, fokus dasar baharu tersebut ialah mengenai kuota dan kadar sewaan yang lebih rasional untuk syarikat tempatan.

Menurut Mohamad Tawfiq, momen beliau mengetuai PBT di Pulau Pinang merupakan pengalaman berharga kepada beliau untuk mengendalikan isu-isu berkaitan rakyat dan tekanan politik digunakan ketika berkhidmat di Kuala Lumpur.

“Landscape politik Pulau Pinang dan Kuala Lumpur adalah sama, malah keadaan ini lebih memudahkan tugas beliau untuk menerajui pentadbiran ibu kota. Beliau perlu meneruskan tindakan tegas membatalkan lesen

perniagaan untuk menangani isu perumahan dan gentrififikasi bandar. “Pengalaman dan keberanian beliau amat diperlukan untuk memastikan halangan yang diklasifikasikan sebagai taboo dapat dihapuskan.

“Misalnya tanah-tanah kerajaan yang telah terbiar atau kompleks perniagaan yang telah ditinggal lama dapat diambil alih untuk memberi laluan kepada projek perumahan rakyat berpendapatan rendah,” katanya.

panduan untuk menangani isu perumahan dan gentrififikasi bandar.

“Pengalaman dan keberanian beliau amat diperlukan untuk memastikan halangan yang diklasifikasikan sebagai taboo dapat dihapuskan.

“Misalnya tanah-tanah kerajaan yang telah terbiar atau kompleks perniagaan yang telah ditinggal lama dapat diambil alih untuk memberi laluan kepada projek perumahan rakyat berpendapatan rendah,” katanya.

Ujar beliau, hubungan baik antara Maimunah dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zalihah Mustafa dilihat dapat merobohkan halangan yang dinyatakan. melalui penggubalan undang-undang baharu dan pindaan undang-undang sedia ada untuk memastikan perancangan dan matlamat menjadi realiti.

Dalam pada itu, Mohamad Tawfiq berkata dakwaan rasuah sehingga mengheret pegawai kanan DBKL ke mahkamah merupakan satu cabaran kepada Maimunah berikutan stigma masyarakat terhadap pentadbir bandar raya itu menebal dengan perkembangan terbaru itu.

“Cabaran besar ialah mengubah sikap penjawat awam di bawah setiap agensi berkaitan DBKL dan pentadbiran Datuk Bandar. Kedua ialah membanteras rasuah yang selama ini menghalang pelaksanaan undang-undang serta pembaharuan yang ingin dilakukan oleh Datuk Bandar.

“Bagi saya beliau perlu merombak jabatan barisan hadapan yang sering berinteraksi dengan masyarakat di kaunter, kelulusan, penguatkuasaan dan kewangan dengan melaksanakan job rotation setiap dua tahun bagi memastikan tiada big brother wujud dalam setiap struktur agensi berkaitan di bawah pentadbiran beliau,” katanya.



MAIMUNAH mententeramkan ahli keluarga mangsa tragedi.

# RATUSAN RIBU BUNGA MEKAR DI PUTRAJAYA

SYUQQREE DAIN

**F**LORIA Diraja Putrajaya (FRP) kembali lagi tahun ini dengan lebih gemilang, membawa keharuman ribuan bunga-bunga dan memukau para pengunjung dari serata dunia.

Berlangsung dari 22 Ogos hingga 1 September 2024, festival bunga-bunga dan taman yang diadakan di Persisiran Tasik Presint 2, Putrajaya ini menjadi acara dwitahunan yang paling dinantikan oleh pencinta alam dan landskap.

Bagi penganguran kali ini, FRP 2024 telah mengangkat bunga Petunia sebagai bunga tema kerana keunikan struktur pertumbuhan, keindahan warna kelopak bunganya yang cantik dan menjurai dapat menyuntik elemen estetika seumpama menerangi dan menceriakan suasana tapak pameran untuk para pengunjung menikmatinya.

Komponen utama bagi FRP 2024 adalah pameran taman dengan penyertaan lebih daripada 30 jabatan dan agensi kerajaan termasuk PPj sendiri, agensi korporat dan swasta, persatuan dan pengusaha bunga serta sekolah dan institusi pengajian tinggi yang bakal mengetengahkan gabungan idea segar, teknik tersendiri serta reka bentuk unik dalam seni pameran taman.

Dalam masa sama, Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah turut berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Floria Diraja Putrajaya 2024 serta melawat tapak festival yang memperkenalkan pelbagai spesies dan kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan. 




# NGA AYA



BUNGA Petunia yang dijadikan sebagai bunga tema Floria Diraja Putrajaya 2024 kerana keunikian struktur dan keindahan warna pada kelopak bunganya.



RAJA Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan mencemar duli menyempurnakan perasmian Floria Diraja Putrajaya 2024 di Persisiran Tasik, Presint 2.





# MALAYSIA TANAH BERTUAH

**S**ABAN pagi, apabila kita bangun daripada tidur yang nyaman, pasti akan kedengaran suara bilal mengumandangkan azan di masjid dan surau di serata tempat. Laungan azan itu bersahutan serentak, mengikut takwim waktu solat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama. Apabila kita ke masjid menuaikan solat berjemaah, pelaksanaan ibadah solat ditunaikan seragam menurut Mazhab Syafie sehingga dengan itu tidak timbul perselisihan akibat persoalan furu' dalam ibadah.

Dan seawal permulaan hari kita bersarapan tanpa rasa was-was mengetahui bahawa ada jaminan halal yang dikeluarkan oleh kerajaan pada produk makanan. Jika tiba bulan Ramadan pula, kita akan berpuasa secara bersama dan serentak seperti yang diumumkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. Bahkan untuk menuaikan zakat, telah ditetapkan kadar yang tertentu dan ada pihak berautoriti yang kita percaya akan memanfaatkan kutipan zakat tersebut.

Kadangkala di waktu cuti, apabila kita membuka televisyen, dihidangkan kuliah dan ceramah agama daripada penceramah bertauliah. Siaran program ini pula dianjurkan khusus oleh pihak berkuasa yang berperanan menjalankan dakwah dan menyebarkan kefahaman Islam menurut perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kadangkala juga kita mendengar dalam berita atau di surat khabar berkenaan penahanan ahli kumpulan ajaran tertentu yang didakwa terlewng daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Daripada berita itu kita mengetahui bahawa adanya penguatkuasaan undang-undang

yang diperuntukkan untuk menjamin ajaran Islam yang sebenar. Sebahagian kita juga telah berkahwin dan untuk menjalankan urusan pernikahan kita perlu melalui pelbagai prosedur rumit daripada menghadiri kursus perkahwinan sehingga mengisi pelbagai borang. Walau rumit, kita mengetahui ia penting bagi bukti perekodan dan penentuan nasab anak sehingga dengan itu masyarakat hidup secara teratur dan harmoni.

Begitu juga di akhir setiap tahun, kita akan mendengar ucapan belanjawan oleh Menteri Kewangan yang antaranya memberi peruntukan yang besar untuk membangun dan memajukan hal ehwal Islam. Peruntukan ini bukan diambil dari wang zakat tetapi dari kantung wang negara. Di Parlimen, kita mungkin pernah mendengar ahli Parlimen berbahas-

Sebahagiannya berkenaan agama Islam termasuklah seperti pemerkasaan akta Mahkamah Syariah. Berdasarkan perkara 159 dan 161E kita mengetahui bahawa Perlembagaan boleh dipinda termasuklah dalam urusan memperkasa undang-undang Islam. Ketika mahu menyimpan atau melabur wang, kita boleh memilih institusi kewangan yang patuh syariah dan telah melepassi segala syarat ketat yang telah ditetapkan. Bagi yang menyimpan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KSWP), skim simpanan patuh syariah disediakan bagi memastikan wang kita tidak digunakan bagi tujuan riba (faedah), maysir (perjudian) dan gharar (ketidakpastian di dalam kontrak).

Daripada beberapa contoh di atas, kita boleh rumuskan bahawa pentadbiran hal ehwal Islam sebenarnya telah berintegrasi sepenuhnya dalam kehidupan

setiap individu Muslim di Malaysia. Walaupun mungkin masih wujud kelompongan dan masalah di beberapa tempat pada aspek pelaksanaannya namun kita seharusnya bersyukur bahawa urusan hal ehwal Islam ini dapat diurus secara teratur sehingga kita sendiri tanpa sedar tidak menyedari tentang nikmat beragama di tanah air.

Di samping itu, persoalan implementasi Islam itu pula tidak semestinya perlu diberi nama atau label Islam. Apa yang utama ialah objektif, nilai, penerapan dan tatacara yang menepati syariat. Itulah yang telah berjalan sejak sekian lama dan beransur-ansur sejak negara memperolehi kemerdekaan pada tahun 1957.

## HIDUP AMAN DAMAI

MALAYSIA merupakan sebahagian kecil negara yang mempunyai agama rasmi. Islam diletakkan sebagai agama Persekutuan oleh Perkara 3 Perlembagaan Negara. Dalam masa yang sama, Perkara 3 juga membentarkan agama-agama lain diamalkan secara aman dan damai. Ini merupakan hal beragama yang unik kerana di Perkara 11 Persekutuan, hak kebebasan beragama diberikan kepada rakyat bukan Islam. Sewaktu negara mencapai kemerdekaan, bidang agama dipersetujui untuk diletakkan di bawah perkara negeri-negeri.

Oleh itu, di negeri yang beraja, Ketua Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu ialah Raja-Raja manakala di negeri tiada beraja ia diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong selaku Kepala Utama Negara.

Namun tidakkah ia akan menyebabkan situasi yang

berkecamuk? Hal ini tidak berlaku kerana keputusan berkaitan agama diseragamkan oleh Majlis Raja-Raja. Contoh mudah seperti di atas iaitu penentuan permulaan berpuasa serta tarikh melihat anak bulan Syawal dan Ramadan. Bagaimana pula dengan persoalan hukum syarak? Majlis Hal Ehwal Agama Islam ditubuhkan pada 1968 bagi membolehkan penyeragaman mengenai undang-undang keluarga Islam dan hal lain yang berkaitan.

Di peringkat pusat diwujudkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk pentadbiran Islam di peringkat kebangsaan, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) bagi kerja pendakwahan dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bagi memberi kefahaman Islam kepada khalayak umum termasuk kepada bukan Islam. Oleh kerana Islam merupakan agama Persekutuan maka Kerajaan Pusat dan Negeri dibenarkan untuk menggunakan perbendaharaan negara bagi membangunkan hal ehwal Islam seperti pembangunan institusi agama, pembinaan masjid, surau dan sebagainya.

Di peringkat negeri diwujudkan Majlis Agama Negeri bagi memberi nasihat kepada Raja-Raja Melayu. Bagi urusan rutin pentadbiran Islam ditubuhkan Jabatan Agama Islam Negeri yang dikawal selia oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam. Pentadbiran sepenuh masa diketuai oleh pengarah yang di bawahnya terdapat pelbagai unit yang bertanggungjawab dari negeri, daerah, mukim sehingga kampung. Di setiap daerah contohnya terdapat jabatan agama daerah bagi menguruskan soal nikah-cerai, pelantikan imam dan bilal serta urusan masjid.

Di setiap negeri juga ditubuhkan lembaga zakat yang berperanan mengutip wang zakat. Hasil zakat disalurkan kepada asnaf menerusi pelbagai program yang bersesuaian. Kerajaan juga menubuhkan Mahkamah Syariah bagi membicarakan kes berkaitan hukum syarak. Bidang kuasanya ditentukan oleh Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah 1965. Semakin demikian terus dibuat bagi memastikan bidang kuasanya kekal relevan dan memenuhi keperluan semasa.

Oleh itu, nikmat kemerdekaan yang dinikmati oleh kita kini adalah hasil usaha generasi terdahulu sama ada pemimpin maupun rakyat biasa. Perubahan ini tidak berlaku drastik tetapi secara harmoni, umpama menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung juga tidak berselerak. Ketika Tunku Abdul Rahman membacakan 10 perenggan Pemahsyuran Kemerdekaan, beliau mulakan "Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Mengasihi". Pemahsyuran ini dituliskan dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi sebagai menandakan eratnya hubungan Islam dan Melayu sebagai identiti negara.

Maka, hargailah nikmat merdeka dalam beragama ini dengan rasa syukur, berhenti mempertikai atau meremehkan kerja orang lain dan bersama kita di setiap peringkat berusaha menjadikan Malaysia sebagai negara yang baik lagi makmur (baladun tayyibatun wa rabbun ghafur).

**PENULIS** Profesor Madya Dr Mohd Khairul Naim Che Nordin merupakan Profesor di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

# TERPENJARA DI SEBALIK JERIJI

**S**ETIAP manusia melakukan kesalahan. Namun kesalahan yang melibatkan undang-undang sama ada jenayah atau sivil biasanya akan menyebabkan seseorang individu dijatuhi hukuman bersalah atau tidak. Namun, kesalahan yang telah dilakukan pada masa lampau telah banyak mengajar seseorang untuk berubah menjadi lebih baik dan bertingkah laku menurut norma-norma masyarakat.

Perjalanan hidup seorang bekas banduan dalam masyarakat dilihat agak sukar kerana stigma negatif yang terus-menerus meletakkan kesalahan itu sebagai kekal dalam hidup mereka sedangkan setiap kesalahan itu boleh diperbaiki oleh mereka, bekas banduan sepautunya diterima masyarakat sebagai orang baru selepas mereka menjalani pemulihan akhlak selama bertahun-tahun di penjara.

Kehidupan di sebalik tirai besi tidak seindah khabar. Hidup terpenjara memerlukan kekuatan jiwa dan fizikal kerana melalui liku-liku hidup terhukum penuh dengan perasaan rasa bersalah dan keinginan untuk bebas sangat tinggi.

Namun, undang-undang di penjara lebih menekankan pembentukan jiwa dan tingkah laku yang selari dengan keperluan norma masyarakat. Penghuni perlu mengikuti rutin harian yang agak tersusun dalam melatih mereka lebih berdisiplin serta membentuk jiwa agar menjadi manusia yang lebih baik.

Persoalan yang sering diutarakan oleh penghuni penjara dilihat berkisar tentang penerimaan masyarakat terhadap mereka setelah mereka bebas kelak. Saya sering diajukan dengan pertanyaan sebegini setiap kali bertemu dengan penghuni penjara dalam setiap sesi ceramah dan aktiviti di penjara.

Jiwa-jawa yang perlu disantuni di penjara mengharapkan mereka boleh diterima kembali dalam kalangan masyarakat. Namun penerimaan masyarakat yang tercalar disebabkan oleh kepercayaan mereka kepada bekas banduan sebelum ini dilihat terkesan sekiranya kembalinya bekas banduan ke dalam masyarakat diikuti dengan tingkah laku yang tidak selari dengan norma masyarakat.

Saya sering memberi ruang kepada pelajar-pelajar saya dalam program-program cakna masyarakat terutama menjalankan aktiviti di dalam penjara. Ruang ini diberikan supaya pelajar-pelajar saya dide daharkan dengan dunia nyata yang berlaku dalam masyarakat.

Ketika orang lain bebas melakukan pelbagai kegiatan diluar, terdapat segelintir ahli masyarakat yang terpenjara dan tersabit dengan kesalahan jenayah. Pelajar-pelajar saya diberikan ruang yang luas untuk meneroka kehidupan dalam masyarakat terutama dalam



BANDUAN di sebalik tirai besi melalui liku-liku hidup terhukum penuh dengan perasaan rasa bersalah. - Gambar hiasan

meninjau pemasalahan yang berlaku dalam masyarakat yang diperhatikan kurang diberikan perhatian sewajarnya.

Pendedahan awal mahasiswa kepada isu-isu kemasyarakatan perlu dilakukan sejak mereka berada di institusi pengajian tinggi (IPT) agar mahasiswa lahir menjadi lebih peka dengan isu-isu kemasyarakatan. Menyelami isu kemasyarakatan seharusnya memberi ruang kepada mahasiswa untuk membentuk jati diri dan dalam masa yang sama mereka dapat menjadi ahli masyarakat yang berguna kepada negara.

Universiti juga seharusnya cakna dengan aktiviti kemasyarakatan dan menggalakkan mahasiswa untuk turut serta dengan program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh universiti atau mana-mana badan bukan kerajaan (NGO).

Semakan semula silibus yang berkaitan dengan aktiviti kemasyarakatan perlu diselidik dalam setiap kuliah agar mahasiswa dide daharkan dengan masalah dalam masyarakat agar mereka bersedia untuk menjadi sebahagian ahli masyarakat selepas tamat pengajian kelak.

Program-program kemasyarakatan anjuran universiti memang banyak memberi peluang kepada mahasiswa untuk mempersiapkan diri untuk menjalani kehidupan selepas tamat pengajian. Mereka bukan sahaja dapat mempraktikkan kerja-kerja kemasyarakatan di dalam kerjaya mereka malahan dapat menjadikan kerja-kerja membantu orang lain sebagai sebahagian daripada kehidupan.

## REHABILITASI BANDUAN

PENDEDAHAN sebegini amat bermakna kepada mahasiswa terutama kepada bakal guru yang berkemungkinan suatu hari nanti menghadapi masalah dalam membentuk masa depan remaja dan sekali gus dapat membantu murid-murid untuk membentuk keperibadian mulia dan dapat mencegah murid-murid daripada terjerumus dengan gejala-gejala yang tidak sihat.

Jabatan Penjara Malaysia mengambil pendekatan dengan menjadikan penjara sebagai Pusat Pembangunan Peradaban Budaya Kemanusian (CHCDC) dan memberi penekanan kepada sistem pemulihan berimpak tinggi bagi memulihkan banduan.

Penolong Komisioner Penjara, Ahmad Zulkarnain Abdul Khalid menegaskan pendekatan ini akan mengubah banduan kepada insan yang lebih beradab iaitu dengan menerapkan disiplin, kerohanian dan pendidikan.

"Program-program pemulihan yang telah disediakan di dalam penjara seperti Program Pendidikan dan Bimbingan, Program Halaqah bagi yang beragama Islam, kelas lain-lain agama, *therapeutic community* dan program-program berbentuk kemahiran kebanyakannya tidak diketahui oleh masyarakat," katanya.

Hanya masyarakat yang cakna dengan program rehabilitasi jabatan penjara sahaja akan faham tentang keperluan penekanan kepada kerohanian dalam membentuk semula banduan untuk menjadi ahli masyarakat yang baik.

Jabatan Penjara juga telah mewujudkan program-program banduan bersama komuniti luar seperti Program Parol, Pembebasan Secara Lesen (PBSL), Rumah Perantaraan, Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dan Corporate Smart Internship (CSI) iaitu banduan bekerja dengan syarikat luar sebelum dibebaskan sepenuhnya. Masyarakat seharusnya mendokong usaha Jabatan Penjara Malaysia dalam merealisasikan hasrat membentuk generasi yang berbudi pekerti mulia," kata Ahmad Zulkarnain lagi.

Menurut Timbalan Penguasa Penjara, Mohd Sobrie Ahmad Zuki, Jabatan Penjara Malaysia merupakan satu organisasi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Misi Jabatan Penjara Malaysia adalah untuk membentuk insan produktif melalui pemulihan efektif, persekitaran kondusif dan pengintegrasian strategik.

"Kita sering kali menerima kunjungan daripada mahasiswa untuk menjalankan aktiviti dan program di penjara, di mana mahasiswa dide daharkan tentang keperluan dan konsep Jabatan Penjara Malaysia yang pada masa kini tidak hanya tertumpu kepada menahan dan menghukum banduan semata-mata tetapi juga bertanggungjawab untuk memulih dan membentuk banduan agar menjadi insan yang berguna apabila kembali semula kepada masyarakat kelak," katanya.

Rehabilitasi banduan di penjara bertujuan membentuk insan baru dengan kualiti akhlak sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat.

Dengan sokongan masyarakat terhadap bekas banduan memberi ruang kepada mereka untuk berubah secara kekal dari menjadi ahli masyarakat yang baik.

Apabila banduan dibebaskan kelak, pihak Jabatan Penjara amat mengharapkan kepada masyarakat terutamanya ahli keluarga dan juga NGO untuk memainkan peranan membantu bekas-bekas banduan dengan memberi kekuatan moral dan psikologi supaya mereka tidak berada dipinggiran agar tidak kembali terjebak semula dengan jenayah.

Namun, program cakna masyarakat yang melibatkan peningkatan penguasaan kemahiran di dalam kelas dan mempraktikkan dalam dunia sebenar perlu diambil kira dalam melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja bijak namun dalam masa yang sama mampu menggunakan kemahiran yang telah dikuasai dalam membantu insan-insan yang memerlukan perhatian dalam masyarakat.

Jabatan Penjara Malaysia amat mengalu-alukan sebarang program mahasiswa di penjara dan amat teliti dalam memberikan kebenaran sekiranya program tersebut bersesuaian dengan keperluan mereka. Program sebegini dapat menunjukkan kepada banduan yang masyarakat masih menerima dan tidak akan menyisihkan mereka setelah mereka dibebaskan kelak.

**PENULIS** Dr Abd Razak Zakaria merupakan Pengerusi Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keluarga Universiti Malaya (UMFRDC).

Pesara raih pendapatan selesa

# BERTANAM DI LAMAN RUMAH

KHAIRUL IDIN

**S**EDIAKAN payung sebelum hujan, demikian ungkapan yang sesuai menggambarkan usaha sepasang suami isteri yang mencebur入 bidang pertanian fertigasi sebagai mata pencarian selepas bersara.

**Swen Bagang**, 61, dan suaminya, Lu Boon Thart, 66, memulakan penanaman tersebut pada awal tahun 2017 di sekitar kediaman mereka di Simpang 25, Kampung Lajau, Labuan yang berkeluasan 0.2 ekar.

Namun bermula daripada minat akhirnya ia menjadi pendapatan bulanan untuk menyara kehidupan dalam usia emas mereka.

"Mulanya kami berdua hanya suka-suka sahaja dan masa itu kami bermula dengan menanam cili. Setelah beberapa bulan, cili yang kami tanam telah membawa hasil. Dari situ lah mulanya kami semakin berminat dan serius untuk bertani."

"Pada masa yang sama, memandangkan suami saya akan menamatkan alam pekerjaan di sebuah syarikat swasta pada waktu itu, maka kami berdua merancang untuk menjadikan bidang pertanian

ini sebagai sumber pendapatan," ujar ibu kepada tiga cahaya mata itu.

Hanya berbekalkan modal sebanyak RM6,000 untuk membeli peralatan sistem fertigasi seperti polibeg, paip dan pam air, kini dia dan suami mampu meraih pendapatan melebihi RM5,000 sebulan.

Ujarnya, dia dan suami tidak menyangka bahawa tanaman fertigasi yang diusahakan itu membawa hasil yang memberangsangkan.

"Kami gembira dengan hasil pertanian ini kerana dapat memberikan kami sumber pendapatan bulanan selain sumber sayur-sayuran yang segar," ujarnya yang kini mengusahakan lima tanaman secara fertigasi iaitu timun, sawi, cili, kacang bendi dan terung.

Tambahnya, selama tujuh tahun menjalankan penanaman sayur secara fertigasi dia berjaya menghasilkan lebih 100 kilogram bagi setiap jenis tanaman sebulan.

Namun di sebalik itu, dia tidak menafikan banyak cabaran yang perlu dihadapi antaranya ketika keadaan cuaca tidak



menentu seperti hujan lebat yang menyebabkan struktur tanah kompos terhakis dan ditenggelami air.

"Penanaman secara fertigasi ini mudah sebenarnya kerana kita tidak perlu risau untuk menyiram tanaman secara manual selain pemberian baja yang lengkap diberikan dalam bentuk larutan yang disalurkan ke zon akar melalui sistem pengairan titis."

"Namun cabarannya adalah seperti serangan serangga perosak antaranya lalat buah, ulat pokok dan hama yang sering menyerang tanaman. Saya hanya menggunakan bahan organik untuk mengelakkan tanaman daripada diserang oleh serangga selain mengekalkan keaslian hasil tanaman," ujarnya.

Ditanya tentang perancangan masa hadapan tanaman fertigasinya, Swen menyatakan



masih dalam perancangan kerana faktor usia yang semakin lanjut menyebabkan agak terbatas.

"Namun impian kami mahu melihat bidang pertanian fertigasi di Labuan dapat dikembangkan secara berterusan kerana saya berpandangan ia mampu dimajukan sebagai satu sumber pendapatan yang lumayan."

"Saya harap masyarakat di pulau ini mencebur入 bidang pertanian secara kecil-kecilan dan menggunakan ruang halaman rumah yang ada dahulu," ujarnya.




**PAPADOM** kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.



harga

**RM19.90**





RAJA Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Wanita Kebangsaan ke-63 Tahun 2024 yang telah berlangsung di M Resorts & Hotel Kuala Lumpur. Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Foto: OFFICIAL SULTAN IBRAHIM



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dr Tawfiq Fawzan Muhammed Al-Rabiah, bersama delegasinya di Perdana Putra.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menerima kunjungan hormat Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat) di Menara PETRA pada Selasa.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa turun ke lokasi kejadian tanah runtuh melibatkan seorang warganegara India pada Rabu. Hadir sama Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mempengerusikan Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Wisma Tani, Putrajaya.



MENTERI Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong turut membantu Ops Kemas sempena Hari Merdeka yang dilakukan di salah sebuah rumah veteran tentera.

# KUBURKAN FIKIRAN KHAWARIJ



ZULKIFLI SULONG

**K**IRA-KIRA 23 tahun lalu iaitu pada 2 Julai 2000, sekumpulan militan iaitu Al-Ma'unah telah melakukan pencerobohan nekad ke atas sebuah kem Rejimen Askar Wataniah pada waktu subuh dan melarikan sejumlah besar senjata api daripada stor persenjataan.

Kumpulan tersebut kemudiannya mendirikan pangkalan rahsianya di kawasan hutan berhampiran perkampungan di Sauk, Negeri Perak dan terlibat dalam pertempuran dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ita menjadi sejarah hitam Malaysia apabila 29 orang ini terpengaruh dengan janji-janji yang diberikan oleh pemimpin mereka bahawa mereka dijanjikan syurga jika mati syahid melawan kerajaan yang dianggap zalim dan kafir.

Namun pengalaman berada di balik tirai besi selama 20 tahun menjadi pengajaran memeritkan buat bekas banduan pergerakan Al-Ma'unah ini. Ia diceritakan kembali oleh salah seorang daripada mereka, Mohd Ramli Mahmood.

Mohd Ramli, 70, berkata disebabkan terlalu percaya kata-kata rakannya bahawa ajaran itu hanya melibatkan ilmu perubatan dan persilatan, dia mengambil jalan mudah tanpa berfikir panjang menyertai pergerakan haram itu pada tahun 2000.

"Saya mula menyertai Al-Ma'unah ketika berusia 47 tahun bersama 29 ahli yang lain sebab pada awalnya saya ingatkan pergerakan ini untuk mempelajari ilmu perubatan dan persilatan.

"Tidak disangka rupa-rupanya gerakan ini untuk mengancam

## Berakhirnya peristiwa rompakan senjata



TRAGEDI di Bukit Jenalik kerana penanaman sikap ekstrem ke dalam masyarakat. - Gambar hiasan

negara dengan melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong," katanya kepada pemberita di Program Semarak Merdeka 67 di Kota Bharu 25 Ogos lepas.

Bapa kepada lapan orang anak itu berharap golongan muda kini tidak mudah terpengaruh dengan trend ajaran atau gerakan baharu yang ingin memusnahkan keharmonian negara.

Dia melahirkan rasa syukur apabila terlepas daripada menjalani hukuman penjara seumur hidup setelah mendapat pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 2020, lapor BERNAMA.

Peristiwa lebih 20 tahun itu boleh berulang kembali di negara ini jika masyarakat terikut-ikut dengan ajaran yang menaikkan emosi atas dasar untuk mati syahid.

Baru-baru ini, seorang penceramah agama turut membakar sentimen sebegini.

"Jangan takut makhluk, jangan takut sesiapa saja, jangan takut pemerintah kerajaan raja besar mana pun, kita nak duduk dalam keadaan aku nak mati syahid," kata penceramah yang videonya tular di media sosial.

Hasutan begini juga berlaku sebelum ini ketika kerajaan Negeri Perak jatuh pada tahun 2009 lalu.

Beberapa orang telah pergi bergulung-gulung di depan Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar sehingga ditangkap polis dan dipenjarakan. Pihak yang membuat hasutan hilang entah ke mana.

Begitu juga peristiwa Memali pada 19 November 1985 juga bertitik tolak daripada penanaman sikap ekstrem ke dalam masyarakat. Dari perspektif pihak

yang mempertahankan mangsa peristiwa ini, ia adalah manifestasi penentangan terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Namun dari aspek lain, ia adalah akibat daripada penanaman sikap taksub dalam kalangan penyokong mereka.

Peristiwa sebegini sebenarnya telah berlaku selepas kewafatan Rasulullah SAW bahkan ia telah disebut dalam satu hadis baginda.

"Apakah engkau mendengar Nabi SAW bersabda tentang khawarij? Ia menjawab: Aku mendengar beliau bersabda sambil beliau arahkan tangannya menuju Iraq – Dari sanalah muncul sekelompok kaum yang membaca Al-Quran tidak melebihi kerongkongan mereka, mereka keluar dari Islam sebagaimana anak panah keluar dari busurnya." - Riwayat Al-Bukhari (6934).

Menurut laman pengajian alhira.com, ciri-ciri utama khawarij adalah:

1. Kaum yang membaca Al-Quran, yang mana bacaan kamu tidak ada nilainya dibandingkan dengan bacaan mereka.
2. Solat kamu tidak ada nilainya dibandingkan dengan solat mereka.
3. Puasa kamu tidak ada ertiannya dibandingkan dengan puasa mereka.
4. Menghina amal perbuatan kamu dibandingkan dengan amal perbuatan mereka.

Dari segi politik, khawarij menjadikan naratif akidah senjata untuk melawan musuh politik dengan label kafir, munafik, liberal akidah.

Paling kurang mereka akan memanggil 'musuh Allah' terhadap lawan walhal hadis Nabi SAW menegah kita berbuat demikian.

Bila akidah lawannya dianggap sesat, mereka lakukan pelbagai dosa terhadap lawan politiknya seperti memfitnah, ugutan, menjahat dan tuduhan qazaf.

Akibat pendirian sebeginilah, golongan khawarij telah membunuh khalifah Islam ketiga iaitu Uthman bin Affan dan juga khalifah keempat iaitu Saidina Ali bin Abi Talib.

Sebelum itu, mereka mengakirkan sejumlah besar para sahabat, khalifah-khalifah Islam dan umat Islam yang bagi mereka melakukan dosa besar serta maksiat.

Kita perlu memastikan pemikiran khawarij ini tidak wujud semula dalam masyarakat dengan membuang benihnya. Jika tidak, kita boleh berdepan lagi dengan peristiwa hitam yang meragut nyawa umat Islam.

INI sekadar pandangan dari penulis bukan bermaksud untuk menghina mana-mana pihak.

## KL sudah sesak?



## Lokasi mampu dilawati

**ADAKAH** bandar raya Kuala Lumpur sudah sesak? Ini mengambil kira jumlah penduduknya kini mencecah lebih 8.8 juta orang. Memetik Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, peningkatan penduduk ialah 2.25 peratus berbanding tahun lalu.

Kadar peningkatan ini, jumlah penduduk dijangka bertambah kepada 9.8 juta orang menjelang tahun 2030, hanya enam tahun dari sekarang. Justeru, ini cabaran besar bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang pembangunan, penyediaan infrastruktur serta memenuhi keperluan warga kota.

Kerana ibu negara ialah pusat pertumbuhan ekonomi dan kewangan, ramai dari luar bertumpu ke Kuala Lumpur untuk mencari rezeki. Banyak peluang pekerjaan ditawarkan. Oleh itu, ibu kota bukan sahaja dipenuhi oleh warga

asal, tetapi juga masyarakat luar yang bermastautin.

Ertinya pertumbuhan penduduk Kuala Lumpur bukan semata-mata ekoran pertambahan semula jadi dalam kawasan bandar, tetapi juga oleh masyarakat luar. Kadar kemasukan dari luar ini tinggi, menjelaskan kenapa pertambahan penduduk ibu kota agak pantas.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, sejajar dengan kehebatan dan pembangunan pesat ibu kota, situasi ini tidak menghairankan. Ramai beranggapan Kuala Lumpur adalah kota metropolitan yang boleh memperbaiki kehidupan lantaran peluang kerja lebih banyak berbanding luar bandar terutamanya.

Walaupun begitu, dalam situasi ini DBKL sentiasa berusaha keras memenuhi keperluan pembangunan serta memastikan kehidupan berkualiti warga kota.

**MENURUT** laporan Travel+Leisure, Kuala Lumpur berada pada tempat kelapan sebagai bandar raya mampu dilawati di Asia, di belakang Tokyo dan Manila. Taipei (Taiwan), bandar raya Ho Chi Minh (Vietnam) dan Jakarta (Indonesia), masing-masing menduduki tempat pertama, kedua dan ketiga.

Kedudukan Kuala Lumpur ini berdasarkan data daripada carian di Internet berhubung perkhidmatan pengembalaan seperti kemudahan penerbangan, hotel, sewa kereta dan pakej percutian yang ditawarkan. Pencarian dibuat antara Januari hingga Jun 2024 bagi perjalanan Jun hingga Disember 2024.

Antara kriteria utama diambil kira apabila ingin melancong ialah kos kehidupan di lokasi yang hendak dituju. Kawan-kawan Kedai Kopi percaya ini juga yang menjadi perhitungan bagi rakyat Malaysia amnya

dan warga Kuala Lumpur khasnya jika ingin melancong ke luar negara.

Bandar raya yang kos perbelanjaannya lebih murah dan mampu biasanya lebih menjadi pilihan. Ini bermakna pelancong tidak perlu membelanjakan banyak wang selama berada di tempat tersebut, apatah lagi jika kadar tukaran mata wang tinggi.

Jika diteliti, ternyata bandar raya di Asia Tenggara mendominasi kedudukan bandar mampu ini. Enam daripada 10 bandar raya yang disenaraikan terletak di rantau ini. Di Kuala Lumpur sendiri, kadar kos bagi seorang pelancong dianggarkan AS\$1,505 atau RM6,776.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, jumlah ini adalah kecil berbanding banyak bandar raya besar di dunia. Bagi negara yang mempunyai nilai mata wang lebih tinggi daripada Malaysia memang tidak ada masalah untuk rakyatnya datang.



# BUKAN SEMUA YANG VIRAL DI Internet ADALAH BENAR



**TIDAK PASTI JANGAN KONGSI**

Pusat pembangunan tenaga boleh diperbaharui

# LABUAN MILIKI POTENSI BESAR

KHAIRUL IDIN

**L**ABUAN kaya dengan pelbagai sumber alam semula jadi selain menjadi hub sektor industri minyak dan gas sekali gus pulau itu dilihat memiliki potensi besar sebagai pusat pembangunan tenaga yang diperbaharui.

Menurut Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia, Kampus Antarabangsa Labuan, **Profesor Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal**, industri tenaga mampan menawarkan pelbagai peluang ekonomi yang merangkumi pelbagai sektor, masing-masing menyumbang kepada ekonomi yang lebih berdaya tahan dan mampan.

Katanya, menerusi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) yang diperkenalkan oleh Menteri Ekonomi Malaysia, Rafizi Ramli pada 27 Julai 2023 lalu menggariskan hala tuju strategik bagi sektor tenaga negara yang menekankan peralihan ke arah tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga yang dipertingkatkan.

"Untuk di Labuan, dengan geografi yang dikelilingi pantai dan lautan menjadi satu kelebihan untuk menghasilkan satu tenaga yang boleh diperbaharui menerusi kuasa angin adalah penukaran tenaga angin kepada bentuk tenaga yang berguna seperti turbin angin bagi menghasilkan elektrik, kinclong angin bagi kuasa mekanikal. tenaga



GEOFFREY



GEOGRAFI Labuan yang dikelilingi pantai dan lautan menjadi kelebihan untuk menghasilkan tenaga boleh diperbaharui.

"Pelan hala tuju ini menekankan pembangunan projek tenaga boleh diperbaharui tempatan termasuk inisiatif solar dan angin berdasarkan komuniti. Projek-projek ini bertujuan untuk meningkatkan elektrifikasi luar bandar, menyediakan akses yang boleh dipercayai

kepada komuniti terpencil.

"Selain itu, mempromosikan pelancongan mesra alam yang dikuasakan oleh tenaga boleh diperbaharui boleh meningkatkan daya tarikan wilayah sebagai destinasi pelancongan yang mampan.

"Pelan hala tuju ini amat relevan dengan Borneo merangkumi negeri Sabah, Sarawak dan Labuan bersedia untuk mendapat

manfaat yang ketara daripada perkembangan ini.

"Di Labuan penjanaan kuasa yang boleh diperbaharui menerusi tenaga suria, pemasangan panel solar dan pembangunan ladang solar, memanfaatkan keadaan geografi yang menggalakkan di kawasan pulau ini.

"Labuan kini sudah terdapat ladang solar yang terletak di Tanjung Kubong yang menghasilkan

sebanyak lima megawatt (MW) dan Symbior Solar di Kampung Bukit Kalam," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Geoffrey berkata bagi mencapai perancangan pelan hala tuju itu penekanan terhadap kepentingan dasar yang teguh dan rangka kerja kawal selia untuk menyokong inisiatif tenaga mampan khidmat perundingan dan nasihat adalah penting untuk membantu mengemudi peraturan baharu dengan sebaiknya.

Jelasnya, mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kawal selia yang konsisten sudah tentu mempunyai cabaran terutamanya di wilayah yang mempunyai landskap sistem pentadbiran yang kompleks.

"Bagi memastikan dasar itu dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan berkesan di seluruh Sabah, Sarawak dan Labuan memerlukan tadbir urus dan penyelaras yang kukuh antara pihak berkuasa di peringkat persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Walau bagaimanapun, pembangunan projek tenaga boleh diperbaharui ini menghadapi cabaran yang ketara.

"Kestabilan politik adalah penting untuk menarik pelaburan dan memastikan kesinambungan dasar tenaga. Sebarang pergolakan politik atau perubahan dalam kerajaan boleh mengganggu garis masa projek dan aliran pelaburan," katanya. 

## 7 kes tumpahan minyak

**JABATAN** Alam Sekitar (JAS) Labuan mencatatkan sebanyak tujuh kes pencemaran alam sekitar membabitkan kes tumpahan minyak di perairan pulau ini dalam tempoh tahun 2023 hingga kini.

Menurut Pengarah JAS Labuan, **Zulfadzli Zakaria**, rekod yang diperolehi berdasarkan beberapa kes insiden tumpahan minyak berskala kecil dan sederhana yang membabitkan industri minyak dan gas.

Katanya, walaupun kes tersebut tidak mencapai tahap kritikal pihaknya sentiasa melaksanakan pemantauan secara konsisten.

"Bagi tempoh 2023 hingga kini, pihak kami telah merekodkan sebanyak tujuh kes berlakunya tumpahan minyak berskala kecil di beberapa lokasi perairan di Labuan.

"Labuan merupakan sebuah pulau yang berteraskan perindustrian dalam sektor minyak dan gas, ini menjadikan peratusan berlakunya tumpahan minyak itu amat tinggi.

"Walau bagaimanapun, setakat ini hanya melibatkan kes-kes kecil sahaja dan kita berharap kepada pihak industri khususnya dalam



SUHAILI (dua dari kiri) diiringi Ketua Pegawai Operasi MPM, Patrick dan Zulfadzli.

sektor perkapalan, minyak dan gas sentiasa mengambil langkah yang sepatutnya bagi mengelakkan insiden itu," katanya kepada Wilayahku.

Zulfadzli memaklumkan pihaknya telah menjalankan kerjasama dengan pihak-pihak pelabuhan, minyak dan gas untuk melaksanakan Program Kontingen Tumpahan Minyak sebagai langkah menangani jika berlakunya insiden tersebut.

Pelancaran program tersebut yang diadakan di Bangunan Megah Port Management (MPM) dirasmikan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abd Rahman.

Baru-baru ini pihaknya telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MPM bertujuan menjaga kelestarian alam sekitar khususnya di perairan laut daripada sebarang pencemaran bahan kimia. 

## 333 individu dicekup

**SERAMAI** 333 orang berjaya ditangkap oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) Labuan membabitkan lelaki dan beberapa wanita disyaki terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah sepanjang tempoh Januari hingga Julai tahun ini.

Menurut Ketua Polis Daerah Labuan, **Supritendan Mohd Hamizi Halim**, tangkapan itu turut melibatkan r a m p a s a n seberat 368.21 gram dadah pelbagai jenis yang dianggarkan bernilai lebih RM24,000. 

Katanya, antara jenis dadah yang berjaya dirampas termasuklah 337.48 gram syabu, 21 gram ganja dan 9.73 gram pil ekstasi.

"Operasi dan tangkapan yang dijalankan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) itu juga telah menyita pelbagai aset hasil kegiatan dadah bernilai RM44,156.50.

"Kesemua mereka ditangkap mengikut Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta 1988)," katanya dalam satu kenyataan media baru-baru ini.

Jelasnya, pihaknya sentiasa memandang serius kegiatan penyalahgunaan dadah khususnya pengedar dadah yang berlaku di pulau ini.

"Pihak PDRM sentiasa komited untuk membanteras kegiatan ini secara berterusan terutamanya untuk menangkap pengedar dadah yang aktif di pulau ini," katanya. 

Program Mentor Mentee Premis Makanan PPj

# PEMANGKIN PREMIS GRED A

SABRINA SABRE

**S**ERAMAI 160 peserta menyertai Program Mentor Mentee Premis Makanan Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2024 untuk meningkatkan pengetahuan terhadap aspek kebersihan premis di kawasan pusat pentadbiran negara.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya (PPj), **Dr Mohd Helmi Abdul Hamid**, antara agensi terlibat adalah Pejabat Kesihatan Putrajaya, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan turut disokong oleh Pertubuhan Rakyat Sihat Malaysia (Sihat Malaysia).

"Penganjuran program edisi ketiga oleh PPj selepas penganjuran pada tahun 2022 dan 2023 ini diharapkan dapat mempertingkatkan lagi tahap kebersihan semua kantin sekolah di Putrajaya dan sekali gus dapat menjadi pemangkin dalam mewujudkan premis kantin sekolah bergred A sepenuhnya di Putrajaya.

"Ia seterusnya mampu menjadi contoh dan teladan yang baik kepada lain-lain pengusaha premis makanan di Putrajaya agar terus meningkatkan tahap kebersihan di



PESERTA juga berpeluang mendapatkan info berkaitan program di reruai yang disediakan.

premis makanan masing-masing.

"Program ini memberi penekanan dan bimbingan profesional kepada semua peserta terlibat berkenaan aspek keselamatan dan kualiti makanan, amalan pengendalian makanan yang baik, amalan penyediaan makanan sihat dan penguatkuasaan keselamatan

makanan," ujarnya.

Beliau berkata objektif utama program ini adalah untuk mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran pengusaha premis makanan berkaitan aspek keselamatan dan kualiti makanan yang terbaik.

"Fokus pelaksanaan program

pada kali ini adalah kepada semua pengusaha-pengusaha premis kantin sekolah di Putrajaya termasuk sekolah-sekolah yang berada di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain institusi pendidikan swasta di

Putrajaya," ujarnya.

Bagi meneruskan komitmen Perbadanan Putrajaya dalam aktiviti keselamatan makanan, Helmi berkata PPj turut menganjurkan Program Suntikan Typhoid PPj secara berterusan kepada semua pengendali makanan di Putrajaya dan kawasan sekitar.

"Setiap peserta yang terlibat akan menerima paket suntikan typhoid dengan kadar yang istimewa berserta Kad Pintar Suntikan Typhoid PPj.

"Program ini akan diadakan secara berterusan pada setiap tahun dan hebahan program akan disiarkan dari semasa ke semasa di semua medium sosial rasmi PPj.

"Kami berharap dengan program dan inisiatif diadakan ini dapat memberi kesedaran kepada pemilik premis makanan serta orang awam tentang kepentingan menjaga kebersihan premis makanan yang seterusnya akan menjadikan Wilayah Persekutuan ini kawasan yang bersih dan indah di samping mewujudkan kesihatan persekitaran yang sihat dan terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Putrajaya."

# Rai Hari Kebangsaan secara unik

**O**RANG ramai berpeluang menyambut Hari Kebangsaan dan menyemarakkan jiwa merdeka dengan cara lebih unik dan santai dengan berkumpung di Glamping Jiwa Merdeka 2024 pada 30 dan 31 Ogos ini.

Menurut Ketua Pengurusan Aset Kumpulan Putrajaya Leisures and Services Group Sdn Bhd (PULSE Group), **Wan Mohd Azhar Wan Mohd Shuky**, acara yang berlangsung di Stadium Mini, Taman Pancarona, Presint 18, Putrajaya itu mampu menempatkan lebih daripada 360 khemah dan 80 karavan.

"Bertemakan Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka, konsepnya adalah berkhemah dengan keluarga pada malam ambang kemerdekaan iaitu pada 30 Ogos sebelum menghadiri acara perbarisan di Dataran Putrajaya pada pagi 31 Ogos yang boleh diakses dengan berjalan kaki kira-kira satu kilometer.

"Pengunjung perlu membawa khemah sendiri dan digalakkan bersaiz 3.5 meter x 3.5 meter. Akan ada ruang antara khemah, kita pastikan keselesaan dan tak nampak padat," ujarnya.

Beliau berkata harga paket yang ditawarkan bermula daripada RM20 hingga RM55.

"Kemudahan seperti parkir, tandas, surau dan jualan makanan turut disediakan untuk keselesaan pengunjung.

"Pelbagai acara diaturkan bermula dari pukul 4.30 petang antaranya pertandingan mewarna Jiwa Merdeka, persembahan patriotik Jiwa Merdeka, tayangan filem kenegaraan, pertandingan hiasan khemah Jalur Gemilang dan Kira Detik 31 Ogos.

"Selain dapat mengelakkan kesesakan untuk masuk ke Dataran Putrajaya pada pagi 31 Ogos itu, kita ada pengisian yang membuatkan pengunjung lebih bersedia bagi menyuntik semangat patriotik dan menghayati erti kemerdekaan sebelum sambutan," ujarnya.

Buat mereka yang berminat, cara pendaftaran dan maklumat lanjut boleh didapat di laman sesawang [www.merdeka360.my](http://www.merdeka360.my) atau laman media sosial Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Penerangan Malaysia.

# Manfaat teksi air di lima lokasi

**PENGUNJUNG** boleh menggunakan perkhidmatan teksi air di lima lokasi sekitar pusat pentadbiran negara pada 31 Ogos ini iaitu di Jeti Monumen, Anjung Floria, Jeti Kelab Tasik Putrajaya, Jeti Ayer 8 dan Jeti Marina.

Menurut Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil**, perkhidmatan itu disediakan khusus kepada orang ramai untuk memudahkan pergerakan dari kawasan parkir ke Dataran Putrajaya bagi menyaksikan pelbagai persembahan pada sambutan Hari Kebangsaan 31 Ogos ini.

"Pada 31 Ogos ini kita sediakan perkhidmatan teksi air secara percuma untuk orang ramai bermula dari pukul 5 pagi hingga 12 tengah hari. Semua yang hadir untuk Sambutan Hari Kebangsaan seharusnya manfaatkan kemudahan ini," ujar beliau.

Media sebelum ini melaporkan pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) turut menyediakan kemudahan cruise tasik dan 80 bas ulang alik pada 31 Ogos ini.

Sementara itu, beliau turut mengajak orang ramai untuk memeriahkan Floria Diraja Putrajaya 2024 yang berlangsung sehingga 1 September ini di Persisiran



PERKHIDMATAN teksi air mod pengangkutan baharu yang diperkenalkan kepada orang awam.

Tasik, Presint 2.

"Kita ambil maklum bahawa Floria Diraja Putrajaya 2024 akan berlangsung sehingga 1 September dan sempena sambutan Hari Kebangsaan nanti, orang ramai boleh ambil kesempatan melawat program ini," ujarnya yang juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan Hari Malaysia (HKHM) 2024.

Floria Diraja Putrajaya

2024 bertemakan 'Raikan Bersama, Celebrate Together' mempamerkan lebih 500 jenis orkid daripada pelbagai spesies dan hibrid pelbagai warna termasuk lebih 15 koleksi orkid khas yang terdiri daripada nama-nama Diraja dan orang kenamaan.

Acara itu akan bermula pada pukul 9 pagi hingga 10 malam pada Isnin hingga Khamis dan 9 pagi hingga 12 tengah malam pada Jumaat hingga Ahad.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh (tengah) bersama para atlet semasa Majlis Pelepasan Kontinjen Negara ke Temasya Sukan Paralimpik Paris 2024.

## Misi lengkapkan 10 emas bermula 'BONNE CHANCE' ATLET PARALIMPIK

**K**EJAYAAN gemilang kontinjen negara membawa pulang tiga emas pada Sukan Paralimpik Rio 2016 bukan sahaja melakar sejarah buat Malaysia malah turut membawa dimensi baharu buat dunia sukan para tanah air.

Pencapaian membanggakan di bumi Brazil oleh tiga jaguh olahraga para negara iaitu Datuk Abdul Latif Romly, Muhammad Ziyad Zolkefli dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi ternyata memberi impak besar terhadap perkembangan dunia sukan para.

Kesinambungan kejayaan di Rio 2016 menyaksikan barisan atlet luar biasa ini tidak menoleh ke belakang malah terus mengorak langkah beraksi cemerlang membawa pulang tiga emas dan dua perak di Tokyo 2020 yang merupakan pencapaian terbaik Malaysia di pentas Paralimpik setakat ini.

Obor perjuangan kontinjen negara akan terus dinyalakan pada Sukan Paralimpik Paris 2024 dengan misi memburu empat lagi emas bagi melengkapkan kutipan 10 emas secara keseluruhan sekali gus memahat satu lagi sejarah baharu sukan negara.

Baru-baru ini, Presiden Majlis Paralimpik Malaysia, Datuk Seri Megat D Shahriman Zaharudin meramalkan keajaiban mungkin boleh dijelmakan kem renang para negara yang membariskan Muhammad Nur Syaiful Zulkafli dan Muhammad Imaan Aiman Muhammad Redzuan bagi saingan berlangsung di Paris La Defense Arena.

Biarpun menghantar sebanyak 30 atlet dari lapan jenis sukan yang merupakan jumlah kontinjen paling besar negara dalam sejarah Sukan Paralimpik sejak mula menyertainya, Malaysia perlu menampilkan semangat waja tinggi agar sorakan kejayaan mereka tidak tenggelam di sebalik lebih 4,000 atlet yang mewarnai Paris 2024.

Tumpuan utama di ibu negara Perancis pastinya terarah kepada Abdul Latif yang memburu hatrik emas acara lompat jauh lelaki T20 (kecacatan intelektual) selain hasrat memecahkan rekod dunia miliknya sejauh 7.64 meter (m) pada Sukan Para Asia 2018 di Indonesia.

Seterusnya, saingan di Paris 2024 akan menjadi medan 'lepas geram' buat Muhammad Ziyad untuk merampas emas lontar peluru F20

(kecacatan intelektual) selepas dinafikan pingat terabit pada edisi Tokyo 2020 gara-gara lewat melapor diri di bilik menunggu sebelum pertandingan berlangsung.

Namun kejutan mungkin boleh dilakukan permata baharu Muhammad Nazmi Nasri yang bersaing dalam acara lompat jauh T37 (kecacatan fizikal), seandainya dapat mengulangi magis merangkul emas dengan catatan 6.13m pada Kejohanan Olahraga Para Dunia 2024 di Kobe, Jepun pada Mei lepas.

Dalam pada itu, kem badminton para negara juga mempertaruhkan dua pemain kerusi roda, Muhammad Ikhwan Ramli (WH1) dan Noor Azwan Noorlan (WH2) serta pemenang perak perseorangan lelaki SL4 (kecacatan fizikal) APG Hangzhou 2022, Mohd Amin Burhanuddin bagi mengintai peluang membawa pulang pingat dari Paris.

Walau apapun terjadi, rakyat Malaysia menanti penuh debaran khabar gembira daripada atlet yang berjuang. Meminjam kata-kata rakyat Perancis, Bonne Chance (Selamat Maju Jaya) kepada barisan atlet luar biasa negara pada Sukan Paralimpik Paris 2024!

## Prestasi WiPers di SUKMA 2024 dapat pujian

**KETUA** Kontinjen Wilayah Persekutuan (CDM), **Datuk Parang Abai @ Thomas** memuji prestasi cemerlang dan luar biasa dipamerkan semua atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) yang bertanding pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2024.

Beliau berkata semangat juang tinggi yang dipamerkan setiap atlet bertanding telah berjaya membawa kepada kejayaan memecahkan beberapa rekod kebangsaan dan temasya kali ini.

"Pencapaian WiPers mengumpul 75 pingat emas dan melepassi sasaran 70 emas di SUKMA 2024 sangat membanggakan. Kejayaan ini merupakan doa semua warga Wilayah Persekutuan. Terima kasih

buat semua atlet di atas pencapaian yang sangat membanggakan.

"Lebih membanggakan, di sebalik perjuangan untuk meraih kemenangan dalam acara yang ditandingi, para atlet tetap bersaing dengan semangat perpaduan dan menjalin hubungan akrab dalam kalangan atlet daripada kontinjen lain.

"Semangat kesukuan dan perpaduan yang sangat hebat ini yang kita hendak pupuk dan perlu dikekalkan. Tahniah kepada semua kontinjen atas pencapaian masing-masing," ujarnya.

Sementara itu, Wilayah Persekutuan menamatkan saingan pada SUKMA 2024 di tempat kedua dengan 75 pingat emas, 65 perak

dan 72 gangsa.

Parang Abai turut mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri dan semua pihak atas kejayaan penganjuran SUKMA 2024 yang disifatkan beliau sebagai antara yang terbaik pernah dianjurkan di Malaysia.

Temasya edisi ke-21 yang bermula secara rasmi pada 17 Ogos lepas itu melabuhkan tirainya pada Ahad. Sarawak muncul juara SUKMA 2024 dengan merangkul 76 pingat emas, 55 perak dan 70 gangsa.

SUKMA diperkenalkan pada 1986 dan Sarawak pernah menjadi tuan rumah temasya dwitahunan kebangsaan itu pada 1990 dan 2016.

## MSN sokong keputusan kerajaan

**MAJLIS** Sukan Negara (MSN) menyokong keputusan kerajaan yang bersetuju untuk menjadikan Sarawak sebagai pengangur bersama Sukan SEA apabila tiba giliran Malaysia menjadi tuan rumah bagi temasya sukan serantau itu pada 2027.

Menurut Ketua Pengarah MSN, **Abdul Rashid Yaakub**, keputusan itu merupakan isyarat positif buat industri sukan tanah air terutama dalam usaha meningkatkan prestasi atlet kebangsaan dengan penganjuran temasya besar di dalam negara.

"Penganjuran Sukan SEA di

luar Kuala Lumpur bukanlah sesuatu yang asing bagi negara ini. Keputusan itu perlu dimuktamadkan pada mesyuarat Jemaah Menteri. Insya-Allah kalau tiada aral melintang, minggu ini ia dimuktamadkan. Ini petanda baik untuk sukan kita ataupun industri sukan kita, bermakna kita menanti-nantikan perkara ini."

"MSN sangat menyokong perkara ini kerana ia juga boleh membantu peningkatan persembahan ke satu tahap lagi bagi atlet kita," ujarnya.

Beliau berkata setakat ini kerajaan negeri Sarawak dan Pulau Pinang sudah memberi respons positif dari segi penganjuran bersama dan kewangan selain tidak menolak kemungkinan terdapat beberapa negeri lain turut akan terlibat sama dengan penganjuran temasya sukan berkenaan.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata buat masa ini sebahagian daripada kemudahan yang ada di negeri Bumi Kenyalang itu berada dalam tahap terbaik untuk penganjuran temasya antarabangsa, manakala terdapat juga sebahagiannya perlu ditambah baik.

"Mungkin sebahagian lagi kemudahan di Sarawak yang kita perlu lihat kembali, mungkin perlu sedikit penambahbaikan ataupun peningkatan, tapi rasanya tidak memerlukan kos yang banyak kerana kesediaan tempat-tempat itu sudah mencukupi," ujarnya.

Sabtu lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan bersetuju untuk menjadikan Sarawak sebagai pengangur bersama temasya dwitahunan itu apabila tiba giliran negara menjadi tuan rumah pada 2027 nanti.

Anwar berkata keupayaan Sarawak untuk menjadikan Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 sebagai antara penganjuran temasya sukan yang terbaik pernah diadakan membuatkan beliau bersetuju memberikan tanggungjawab sebagai pengangur bersama Sukan SEA 2027.

Malaysia pernah menjadi tuan rumah Sukan SEA edisi 2001 dengan penganjuran bersama negeri Johor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan yang mana kontinjen negara menjadi pemenang keseluruhan dengan 111 pingat emas.



PARANG ABAI (tengah) bersama angkat berat WiPers di SUKMA 2024.

# HIKMAH MUSIBAH

DEEL ANJER

**S**ETIAP apa yang berlaku dalam alam semesta ini, tidak ada yang terjadi tanpa sebab dan hikmahnya. Begitulah dalam kehidupan kita. Mutakhir ini kita dikejutkan dengan musibah bencana alam seperti banjir kilat dan tanah jerlus.

Malah kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur baru-baru ini menyebabkan seorang mangsa warga India, Vijayaletchumy, 48, hilang selepas terjatuh di dalam lubang sedalam lapan meter itu.

Apa yang lebih tragis, sehingga artikel ini ditulis,

wanita tersebut belum ditemui dan pihak berwajib sedang giat menjalankan operasi mencari dan menyelamat (SAR).

Walau bagaimanapun, setiap bencana yang terjadi perlu kita renungkan dan mengambil iktibar serta pengajaran daripadanya untuk bekalan masa depan. **W**



## Semua pihak main peranan

BAGI penyanyi yang sedang popular menerusi lagu Menjaga Jodoh Orang Lain, **Ara Johari**, rentetan musibah yang berlaku membuatkan semua pihak prihatin, cakna dan memainkan peranan mengikut kemampuan masing-masing.

Ara atau nama lengkapnya Nurfarrah Izatieve Johari, 27, dia turut berasa sebak dengan peristiwa tersebut namun dalam masa sama kagum melihat kesungguhan rakyat Malaysia yang bersatu padu dalam membantu mereka yang memerlukan.

"Saya bangga melihat semua pihak bersatu hati memainkan peranan masing-masing. Pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) mahupun orang perseorangan turun padang membantu mangsa."

"Ada menjadi sukarelawan yang membantu dalam pembersihan pasca banjir. Itu yang dekat."

"Manakala yang jauh dan tidak mampu menolong dari segi tenaga, mereka turut menghulurkan bantuan menerusi sumbangan wang ringgit demi membeli keperluan mangsa."

"Kagumlah. Keprihatinan sebegini masih menebal dalam diri rakyat Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Ara juga bersimpati terhadap keluarga mangsa tanah jerlus yang setiap masa menunggu agar ibu mereka ditemui.

"Siang malam pihak berwajib menjalankan tugas demi mencari wanita tersebut. Walaupun usaha itu nampak sukar, tapi saya percaya mereka sedaya mungkin melakukan yang terbaik."

"Begini juga dengan warganet atau netizen yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama sentiasa memberi sokongan dan mendoakan mangsa ditemui."

"Di sini kita dapat lihat bagaimana pihak berwajib, NGO, masyarakat mahupun netizen bersatu hati dalam isu ini," tambahnya. **T**

## Melatih diri jadi sabar

BAGI penyanyi dan pelakon, **Mark Adam**, dia percaya setiap musibah atau ujian itu memupuk sifat sabar dalam diri seseorang.

"Di sebalik ujian ini, ia sebenarnya melatih untuk kita menjadi orang yang sabar dan reda dengan ketentuan Allah."

"Saya yakin, orang yang sabar menghadapi kesusahan dan kepayahan pastinya hidup lebih tenang apabila sentiasa berlapang dada, tidak berputus asa, tidak mudah menyerah kalah dan bersangka baik kepada ketentuan Allah."

"Ingatlah, ujian itu adalah fitrah dalam kehidupan kerana dengan ujianlah boleh menjadikan diri kita lebih tabah, lebih sabar dan lebih mengenal kekuasaan serta kebesaran Allah SWT."

"Setiap ketentuan dan ketetapan Allah itu adalah yang terbaik buat hamba-

Nya. Dia adalah sebaik-baik perancang," ujarnya.

Namun dalam masa sama, Mark Adam juga sedar bukan mudah untuk reda dengan apa yang berlaku.

"Reda bagi sesetengah individu mungkin senang diperkatakan, tetapi belum tentu mudah dilaksanakan. Saya tahu ia perlukan masa. Tidak mengapa, terus berusahalah untuk mewujudkan sifat reda dalam diri."

"Hidup kita ini pasti ada pasang surutnya. Tak mungkin tenang sepanjang masa. Adakala kita di atas dan ada ketika pula di bawah. Perlu diingat, setiap daripada kita juga diuji dengan

ujian berbeza sebagai tanda kasih dan sayang Allah," tambahnya. **T**



## Izzue ajak saling membantu

APABILA berlakunya sesuatu musibah, terdapat juga pihak yang gemar menyalahkan orang lain tanpa usul periksa sehingga menyebabkan pelbagai masalah lain pula yang timbul.

Bagi artis **Izzue Islam**, masyarakat seharusnya bersatu padu dalam menghadapi musibah bukan suka menundung jari serta mencipta kontroversi di sebalik apa yang berlaku.

"Sama ada isu banjir, mangsa tanah jerlus dan sebagainya, apa yang penting adalah saling membantu, bekerjasama dan elak mencari kesalahan orang lain."

"Bukan masanya mencari salah sebaliknya kita berusaha untuk membantu semampu mungkin mangsa yang terjejas. Sifat belas ihsan itu perlu kita sematkan dalam diri."

"Apabila banjir kilat, ramai yang menjadi mangsa dan banyak rumah yang rosak. Tak kurang juga ada yang turut merugut nyawa. Ia memberi kesan kepada ahli keluarga mangsa. Jadi berhati-hatilah dalam meninggalkan komen kerana dikhuatir akan mencalarkan perasaan mereka yang kehilangan insan tersayang," katanya.

Dalam masa sama, Izzue turut mengikuti perkembangan mangsa tanah jerlus itu dari semasa ke semasa dan bersyukur melihat semua pihak bekerjasama, prihatin dan saling mendoakan tanpa mengira latar belakang yang berbeza.

"Setiap musibah yang berlaku juga adalah peringatan daripada Allah, supaya manusia sentiasa kembali memohon kepada-Nya. Kita semua perlu bersatu dalam menghadapi dugaan ini."

"Apabila berlakunya musibah, baru kita dapat tengok sejauh mana masyarakat mampu membuang sikap pentingkan diri. Masing-masing membantu dengan cara tersendiri. Ia lebih indah daripada kita mencari salah orang main," ujarnya. **T**



PENCERAMAH bebas boleh mengeluarkan apa-apa kenyataan tetapi mestilah mempunyai etika. - Gambar hiasan

Elak kenyataan ajak jatuhkan kerajaan

# USAH MELAMPAUI ADAB PENCERAMAH

**U**MAT Islam di negara ini diingatkan supaya tidak terjerumus dengan pemikiran khawarij dan mengeluarkan kenyataan mengajak rakyat untuk menjatuhkan kerajaan.

Mufti Kedah, **Datuk Syeikh Fadzil Awang** berpandangan pemikiran khawarij baharu ialah menjatuhkan mana-mana pemerintah yang dilabelkan sebagai zalim.

"Kenyataan seperti itu dianggap sebagai kontroversi dari sudut pandangan individu tersebut."

"Bagaimanapun sebenarnya sebuah kerajaan yang tidak ada buat apa-apa percanggahan, sebagai rakyat tidak boleh membuat kenyataan khawarij," ujar beliau.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar mendedahkan gelombang



SYEIKH FADZIL

pemikiran khawarij dan takfiri di negara ini kini berada pada tahap membimbangkan.

Dalam pada itu, Syeikh Fadzil berkata walaupun individu bukan penjawat awam tidak terikat dengan kerajaan, tetapi tidak bermakna boleh mengajak rakyat untuk menjatuhkan kerajaan dengan pemikiran khawarij.

Beliau berkata walaupun penceramah bebas boleh mengeluarkan apa-apa kenyataan tetapi mestilah mempunyai etika.

"Kita tidak ada peruntukan untuk kenakan apa-apa tindakan seperti mana jika seseorang itu penceramah adalah penjawat awam. Dia ada etika."

"Tetapi sebagai seorang penceramah pendakwah atau penceramah bebas mestilah mematuhi adab-adab sebagai penceramah atau pendakwah. Itu

yang terbaik," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Profesor Madya Datuk Dr Mohamed Azam Mohamed Adil berkata umat Islam di negara ini diingatkan supaya tidak terjerumus dengan pemikiran khawarij.

Azam berkata sebaliknya hanya mengikut ajaran Islam berdasarkan pegangan dan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dari segi akidah, syariah dan akhlak.

Beliau berkata pemikiran khawarij baharu ialah menjatuhkan mana-mana pemerintah yang dilabelkan sebagai zalim manakala takfiri pula merujuk kepada tuduhan mengkafirkan orang lain dengan mudah.

Beliau berkata golongan ghuluw iaitu keterlaluan atau melampaui menerapkan kefahtaman ekstrem dalam memahami serta mengambil sesuatu tindakan dan ghuluw dalam beragama adalah sikap melampaui batas dalam perintah agama.

## Berhati-hati ketika sampai dakwah

**PENDAKWAH** di Malaysia dinasihatkan supaya berhati-hati dalam menyampaikan dakwah walaupun mereka ikhlas dalam memperjuangkan Islam, kata Fellow Pusat Pengajaran Islam Universiti Oxford, **Datuk Dr Afifi Al-Akiti**.

Beliau yang juga Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Yang Dilantik Majlis Raja-Raja berkata hasutan untuk melawan Raja-Raja Melayu, Ulul Amri, pemerintah atau pemimpin di Malaysia serta menghasut untuk mati syahid melawan orang Islam adalah hasutan yang membuka pintu takfir di bumi Malaysia ini.

"Ia boleh mengakibatkan berlakunya tragedi seperti yang pernah tercetus di Ulu Tiram, Al-Ma'unah di Sauk dan peristiwa Memali."

"Pegangan Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan tegas menolak amalan kafir mengkafir sesama orang Islam," katanya.

Afifi turut memetik peringatan Imam Al-Ghazali berhubung tersalah "mengkafirkan seorang Muslim adalah lebih berat dari tersalah menganggap Islam seribu orang kafir."

"Ingatlah pesanan Imam Al-Nawawi: Semua orang yang di jalan benar memang sudah ikhlas, tetapi bukan semua yang ikhlas berada di jalan yang benar," tambah beliau.

Sementara itu, Afifi berkata

di dalam berdakwah janganlah sampai ada unsur jihad yang tidak menepati syariat pada sesama Muslim di Malaysia ini.

Beliau berkata bahkan hasutan itu boleh membawa kepada pendakwaan di bawah undang-undang isu berkaitan kaum, agama dan raja (3R) dan menjahat takfir.

Untuk rekorde, semenjak tahun 2010 hingga kini, Afifi dinobatkan dalam senarai tahunan 500 orang Islam yang paling berpengaruh di dunia.

Afifi mencipta sejarah apabila menjadi rakyat Malaysia pertama yang dilantik sebagai pensyarah di universiti termasyhur di dunia.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar

mendekah gelombang pemikiran khawarij dan takfiri di negara ini kini berada pada tahap membimbangkan.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Profesor Madya Datuk Dr Mohamed Azam Mohamed Adil sebelum ini turut mengingatkan umat Islam di negara ini supaya tidak terjerumus dengan pemikiran khawarij.

Azam berkata sebaliknya hanya mengikut ajaran Islam berdasarkan pegangan dan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dari segi akidah, syariah dan akhlak.



AFIFI